

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 204 ● 17 - 23 MAC 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my/)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](https://t.me/Wilayahku)

 [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)



**KL PF 2023:**  
Keunikan taman  
di tengah kota ➤9-11



**Sukarelawan JWP**  
bantu mangsa  
banjir Johor ➤13



**Ahmad Mufid**  
wira sukan  
berkuda DBKL ➤15



**Dataran Labuan**  
kini lokasi  
liburan popular ➤21

## DBKL ikrar tolak rasuah

**S**EBAGAI sebuah organisasi besar yang mengawal selia pembangunan dan aktiviti ekonomi di ibu negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sering didakwa terlibat dengan aktiviti rasuah dan salah guna kuasa.

Dakwaan tersebut dibuat ekoran beberapa bekas pegawai pernah diheret ke mahkamah atas tuduhan rasuah dan salah guna kuasa.

Namun sehingga kini, dakwaan tersebut tidak pernah surut sehingga pegawai dan anggota

pentadbir bandar raya itu sering dilemparkan tuduhan sebegitu.

Menyedari hakikat tersebut, DBKL melaksanakan persijilan MS ISO 37001:2016 Anti-bribery Management System (ABMS) bagi memegang prinsip 'Toleransi Sifar Terhadap Rasuah' agar

bebas daripada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa sekali gus mengamalkan tata kelola yang baik selari dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**BERITA LANJUT DI MUKA 2**



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah mengetuai pegawai-pegawai kanan DBKL menunjukkan isyarat 'tidak kepada rasuah' dalam Majlis Ikrar Bebas Rasuah di Menara 1 DBKL pada Selasa.

# DBKL tidak toleransi terhadap rasuah

DARI MUKA HADAPAN

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa mengambil serius tentang setiap urusan yang melibatkan pegawai dan kakitangannya agar bebas dari pada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata pihaknya melalui Jabatan Integriti telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membentuk sahsiah pegawai dan kakitangan DBKL yang berintegriti tinggi.

"Saya telah bersetuju untuk melaksanakan persijilan MS ISO 37001:2016 Anti-bribery Management System (ABMS). Inisiatif ini dilaksanakan agar DBKL sentiasa mengambil serius bagi memastikan proses kerja dan tata kelola kerja kita tidak mendatangkan apa-apa unsur yang boleh menyebabkan berlakunya rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Pengurusan Tertinggi DBKL di Menara 1 DBKL pada Selasa.

Hadir sama menyaksikan, Timbalan Pesuruhjaya, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Razim Mohd Noor.



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah mengetuai pegawai kanan DBKL menglafazkan Ikrar Bebas Rasuah sambil disaksikan oleh Timbalan Pesuruhjaya (SPRM), Datuk Razim Mohd Noor pada Selasa.

Mahadi berkata majlis tersebut merupakan komitmen dan inisiatif DBKL dalam mewujudkan sebuah organisasi yang memegang prinsip 'Toleransi Sifar Terhadap Rasuah'.

"Inisiatif IBR oleh SPRM ini benar-benar menggalakkan warga DBKL untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam tugasannya

dan tidak terlibat dengan sebarang perlakuan rasuah," katanya.

Beliau turut menggesa Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan yang berintegriti tinggi untuk menjadi contoh dan teladan yang berintegriti tinggi kepada kakitangan bawahan.

Mahadi turut menyeru agar semua pegawai dan kakitangan DBKL un-

tuk memelihara integriti dengan sebaik-baiknya kerana ia mencerminkan kualiti tadbir urus yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

"Saya percaya, dengan menjaga integriti diri kita sebagai penjawat awam, sudah tentu kerja-kerja yang kita hasilkan lebih bermakna, lebih telus dan dapat memberi kesan yang positif kepada penduduk Kuala Lumpur," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa pihaknya tidak akan sesekali melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan rasuah.

"Saya juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang terlibat dengan rasuah dan bersedia memberi kerjasama penuh kepada pihak SPRM," katanya. WK

YWP terima kunjungan PL

## YWP terima kunjungan PL

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) menerima kunjungan hormat dari Perbadanan Labuan (PL), baru-baru ini.

Delegasi PL yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Mohd Ismail bertujuan memperkuatkkan kerjasama di antara kedua-dua agensi itu untuk kesejahteraan warga Labuan.

Pertemuan selama satu jam itu, turut membincangkan pelaksanaan inisiatif meliputi pendidikan, ekonomi, agama, sosial dan teknologi.

Terdahulu, ketibaan delegasi PL disambut oleh Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj. WK



ABDUL Rahman (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Rithuan (kiri) dalam kunjungan hormat baru-baru ini.

## DBKL kenal pasti tanah terbiar, rizab kerajaan untuk jayakan IPR - Mahadi

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenal pasti tanah terbiar dan rizab milik kerajaan persekutuan yang boleh dijadikan kebun komuniti bagi mengembangkan inisiatif pertanian bandar dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan khususnya golongan B40.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, DBKL akan bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk mengenal pasti lokasi tanah selain bekerjasama dengan pihak yang mempunyai kepakaran berkaitan.

Katanya, usaha dan komitmen anggota masyarakat dalam melaksanakan 40 projek pertanian komuniti sedia ada berjaya mengusahakan pelbagai tanaman yang boleh dinikmati oleh masyarakat.

"Lebih berfaedah sekiranya tanaman itu dijadikan sumber pendapatan tetap kepada anggota masyarakat terabit yang mana tanaman segar dan berkualiti dapat dipasarkan kepada pihak yang memerlukan seperti Fama (Pihak Berkuasa Pemasaran Pertanian Persekutuan), restoran berhampiran dan pasaran," katanya.

Mahadi berkata demikian pada Majlis Pelancaran Anugerah Kebun Komuniti Kuala Lumpur 2023 dan Buku Panduan Agenda Tempatan 21 (LA21) Mengenai Pelaksanaan Kebun Komuniti sempena Pesta Taman Kuala Lumpur pada Sabtu.

Jelasnya, DBKL telah membina inisiatif itu dengan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli baru-baru ini sambil menambah inisiatif tersebut

membuka peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah se lain ia juga dapat mengurangkan kos penyelenggaraan tanah terbiar.

Terdahulu, Mahadi menyerahkan anugerah kepada ahli komuniti yang terlibat dalam mengusahakan projek pertanian bandar di kawasan kejiranan mereka di bawah inisiatif LA21 KL City Community Garden yang bermula pada 2016. WK



INISIATIF Pertanian Bandar mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan dapat menangani masalah keterjaminan makanan.

# DBKL keluar lebih 1,500 notis kompaun kesalahan rokok, vape sehingga Februari

HAZIRAH HALIM

**L**EBIH 1,500 notis kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi kesalahan merokok dan menghisap *vape* di tempat awam sekitar ibu negara sejak Januari hingga Februari tahun ini.

Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL, Khairul Anuar Md Juri berkata notis kompaun tersebut dikeluarkan berikutan kesalahan merokok dan menghisap *vape* di kawasan larangan seperti taman awam, restoran, bangunan kerajaan dan laluan pejalan kaki berbumbung.

"Individu termasuk remaja bawah umur yang didapati melakukan kesalahan berkenaan akan didakwa di bawah Peraturan 11 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 serta turut dikenakan bantuan kompaun sebanyak RM250 serta-merta.

"Kompaun itu dikenakan oleh anggota penguat kuasa DBKL dan pegawai kesihatan yang bertugas.



KHAIRUL Anuar (tiga kanan) bersama Timbalan Pengarah Kanan Kesihatan Awam DBKL, Dr Nor Halizam Ismail (lima kiri) menyempurnakan gimik pada Majlis KLBAR X MySchoolBus@Wilayah di Dataran DBKL, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sekiranya tidak dibayar, mereka akan dikenakan tindakan susulan termasuk tindakan mahkamah," katanya kepada pemberita pada

sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR) X MySchoolBus@Wilayah

di Dataran DBKL pada Isnin.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Induk KLBAR, P Chandrakant dan

Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Dr Nor Halizam Ismail.

Menurut Khairul Anuar, sehingga kini DBKL masih menguatkuaskan pemantauan di tempat larangan merokok dan menghisap *vape* termasuklah di kawasan hotel serta lain-lain kawasan.

"Pihak DBKL akan sentiasa melakukan pemantauan dari semasa ke semasa dan kami juga mengharapkan kesedaran dan kepekaan daripada seluruh masyarakat untuk tidak merokok di kawasan larangan yang telah ditetapkan," jelasnya.

Khairul berkata pihaknya juga dalam perancangan mencari pengaruh media sosial untuk dijadikan ikon bebas rokok.

"Kita akan usahakan mencari pengaruh terkenal di platform digital seperti TikTok, Instagram dan sebagainya untuk dijadikan 'role model' kepada masyarakat."

"Ia merupakan alternatif tambahan dalam usaha memupuk kesedaran orang ramai tentang bahaya merokok," katanya. WK

## Pelekat larangan merokok KLBAR di 200 bas sekolah

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan Kempen Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR) dengan menampal pelekat larangan merokok dan logo KLBAR di bas-bas sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL, Khairul Anuar Md Juri berkata kempen ini akan memberi impak kepada kira-kira 11,000 pelajar meliputi 8,000 murid dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL serta 3,000 murid dari Perumahan Swasta Kos Rendah DBKL.



KHAIRUL ANUAR

Isnin.

Menurut Khairul Anuar, KLBAR juga adalah salah satu projek di bawah tema KL Sejahtera Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) hasil usaha bersepadan rakan kongsi LA21KL dan DBKL.

"Antara rakan kongsi yang terlibat Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MyWatch, Malaysian Association of Environmental Health (MAEH), Persatuan Gerantologi Malaysia, MRT Corporation dan beberapa lagi rakan kongsi yang lain."

"Program ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs) terutamanya SDG 3 bagi meningkatkan dan mengamalkan gaya hidup sihat sekali gus mengurangkan risiko penyakit seperti kanser, masalah paru-paru dan pelbagai penyakit kronik yang lain," katanya.

Dalam pada itu, pihaknya sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak untuk memberi cadangan dan kerjasama baik dengan DBKL bagi memastikan kempen ini dapat dilaksanakan sebaiknya.

"Usaha ini merupakan lanjutan daripada promosi dan kesedaran dalam memerangi amalan merokok setelah pelancaran Kempen KLBAR dalam Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) melalui video promosi dalam tren yang telah dilancarkan pada 1 Disember 2021 dan dipasang sehingga kini," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen KLBAR X MySchoolBus@Wilayah di Dataran DBKL pada

## PKB harap kerajaan pertimbang wujud semula baucar buku untuk pelajar

**P**ERBADANAN Kota Buku (PKB) syarikat di bawah Kementerian Pendidikan (MoE) berharap kerajaan mempertimbangkan untuk mengembalikan pemberian baucar buku yang pernah dilaksanakan dahulu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Adibah Omar berkata pemberian baucar buku dapat membantu pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang memerlukan dan pelaksanaannya pada masa kini boleh ditambah baik selari dengan Dasar Digital Negara.

"Baucar buku boleh diberikan secara digital atau e-Baucar Buku kepada pelajar IPT dan ia boleh diperluaskan kepada murid di sekolah untuk menggalakkan budaya pembacaan ke arah pembinaan masyarakat madani."

"Ia juga selari dengan usaha PKB yang menawarkan fungsi e-dompet 'Merchantrade Money' oleh rakan strategik Merchantrade Asia Sdn Bhd (Merchantrade) melalui platform Kota Buku Digital Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara PKB yang diwakili dengan Merchantrade yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Ramasamy K.



MUHAMMAD Kamil (tengah) menyaksikan Majlis MoU di antara PKB diwakili Adibah (kiri) dengan Veeran (dua dari kanan) yang mewakili Merchantrade.

Veeran di Putrajaya pada Rabu. Hadir menyaksikan,

Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim dan Ahli Lembaga Pengarah PKB, Mohd Khair Ngadiron, .

Tambahnya, PKB amat percaya melalui cadangan pemberian e-Baucar Buku secara digital ini merupakan solusi yang konkret terhadap permasalahan dankekangan yang berlaku dalam pelaksanaan inisiatif Baucar Buku secara fizikal sebelum ini sekali gus menyuburkan semula budaya pembacaan ke

arah pembinaan masyarakat madani.

Menurut Adibah, Portal Kota Buku Digital Malaysia merupakan sebuah platform perbukan digital terbesar negara dibangunkan oleh PKB bagi mengumpulkan keseluruhan ekosistem industri buku dan penyediaan fungsi e-dompet di platform Kota Buku Digital Malaysia ini dapat memenuhi keperluan transaksi kewangan secara dalam talian selari dengan inisiatif e-perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan.

WK

# PA Seri Perlis 2 bolot Anugerah Kebun Kejiranan Bandar KL 2023

AZLAN ZAMBRY

**P**ERUMAHAN Awam (PA) Seri Perlis membolot tiga Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur (KL) tahun 2023 sekali gus membuktikan bahawa kerjasama dalam melestarikan alam sekitar mendapat sokongan padu daripada penduduk setempat.

Penyelaras Kebun Kejiranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) PA Seri Perlis 2, **Latiff Abu Hassan** berkata projek kebun kejiranan yang diusahakan sejak tahun 2014 telah memberikan pulangan dalam pelbagai bentuk yang dapat membantu komuniti setempat untuk terlibat secara aktif dalam pertanian bandar.

"Kami memulakan usaha pertanian bandar ini dengan objektif untuk membantu golongan berpendapatan rendah dalam mengurangkan perbelanjaan di rumah dengan memanfaatkan ruang di kawasan kejiranan dan ia berjaya dilaksanakan."

"Selain itu, inisiatif ini juga berjaya mempelbagaikan lagi fungsi kebun kejiranan ini dengan membantu menjana pendapatan, menambahkan pengetahuan mengenai pertanian dan menyemai nilai persaudaraan dalam kalangan peserta serta komuniti setempat,"



LATIFF (dua dari kanan) menerima Anugerah Wira Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 yang disampaikan oleh Datuk Bandar (dua dari kiri).

katanya kepada Wilayahku pada Sabtu.

Latiff berkata dua anugerah iaitu Pengiktirafan 5 Bintang Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 dan Anugerah Khas Juri bagi kategori Komuniti Keusahawanan dilihat sebagai pengiktirafan terhadap usaha berkumpulan yang berjaya menjadi contoh kepada komuniti lain untuk bergerak lebih aktif dalam mengusahakan pertanian bandar.

"Dua anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap semua 33 peserta yang secara serius mengusahakan projek kebun kejiranan ini sehingga ia mampu memasarkan produk pertanian kepada komuniti setempat sekali gus dilihat berjaya menangani masalah keterjaminan makanan di perumahan kami."

"Hasil tani tersebut turut dijual kepada orang ramai dan ia mampu menjana pendapatan yang akhirnya akan menyumbang semula untuk

kesejahteraan komuniti PA Seri Perlis 2," katanya.

Beliau yang turut menerima Anugerah Wira Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 bersyukur kerana anugerah itu membantu meluaskan lagi kerjasama dengan agensi kerajaan sekali gus dapat menambahkan kualiti dan aktiviti pertanian selari dengan penggunaan teknologi moden.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata Majlis Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Agenda Tempatan (LA) 21 Kuala Lumpur ini bertujuan untuk meraikan ahli-ahli kebun komuniti dan telah bermula sejak tahun 2016.

"Penganjuran anugerah ini juga selari dengan dasar yang telah disarankan berdasarkan Dasar Kebun Komuniti Negara Dan Blueprint Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur sepanjang tempoh bermula projek pada tahun 2014 hingga kini," katanya.

Jelasnya, sebanyak 18 komuniti kebun kejiranan bandar telah menghantar penyertaan dengan pelaporan yang lengkap dan tujuh peserta merupakan peserta kali pertama manakala baki 11 peserta merupakan penyertaan kali kedua.

WK

## DBKL serbu, sita barang tiga premis urut dan hiburan tiada lesen

TIGA premis yang menjalankan aktiviti urut dan hiburan diarah tutup serta-merta dalam serbuan dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Brickfields dan Sri Petaling Jumaat lalu.

Dua premis ditutup mengikut Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 manakala satu la-

gi mengikut Akta Hiburan (WPKL) 1992.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, kesalahan yang dilakukan adalah beroperasi tanpa lesen sah serta aktiviti bar dan hiburan tanpa lesen.

Tindakan notis, kompaun, sitaan dan penutupan premis serta merta

dikenakan.

"Jumlah tindakan yang dilakukan adalah sebanyak empat premis sudah disemak dan juga empat premis dikenakan notis kompaun," katanya.

Terdapat dua notis yang dikeluarkan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1) UUK Pelesiran Tred, Perniagaan dan Perindustrian

(WPKL) 2016, satu notis mengikut UUK 22(1)(d) UUK Petempatan Makanan (WPKL) 2016 dan satu notis Pemberitahu Tentang Kesalahan (NPTK) Akta Hiburan (WPKL) 1992 di bawah Seksyen 4 (1)(a) & 4(1)(b).

Sitaan juga dilakukan terhadap satu premis membabitkan barang

berkaitan pengoperasian, premis hiburan dan terdapat dua lagi premis yang disita membabitkan barang berkaitan pengoperasian, premis tidak bermoral.

Jumlah pekerja ataupun pelayan yang bukan warganegara didapati adalah sebanyak sembilan orang pekerja wanita. WK



### Kursus disiplin penghuni PPR

**KAWAN-KAWAN** Kedai Kopi tertarik dengan cadangan mensyaratkan bakal pemilik dan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta Perumahan Awam (PA) menghadiri kursus kesedaran sivik bermula tahun ini.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dikhaskan menyambut baik cadangan ini kerana ia mampu meningkatkan amalan hidup berjiran serta menyemai sikap toleransi dalam kalangan penghuni serta harta guna sama di PPR dan PA.

DBKL dilapor sedang menunggu arahan lanjut daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPPT) yang menyuarakan cadangan berkenaan termasuk mengenai kaedah atau tatacara kursus yang akan diadakan.

Di ibu negara memang terdapat banyak rumah PPR dan PA. Daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, masalah yang selalu menghantui PPR dan PA ialah kurangnya semangat disiplin dan bertimbang rasa di kalangan segelintir penduduk.

Walaupun PPR dan PA disediakan dalam

keadaan baik dan selesa diidami, terdapat segerintir penduduk yang tidak menghargai kemudahan disediakan. Kebersihan persekitaran tidak dijaga serta melakukan vandalisme terhadap kemudahan awam yang merupakan harta guna sama.

Sampah adakala dibuang tidak di tempat sepertutnya sehingga mencemar persekitaran. Malah kadang-kadang dalam lif pun ada yang tidak bertanggungjawab membuang sampah. Lebih teruk ada pelbagai kotoran lain dalam lif.

Ini belum termasuk perbuatan merosakkan lif. Ada yang sengaja mengumpil tempat butang lif dan menarik wayar keluar sehingga lif tidak berfungsi. Akibatnya, siapa yang susah, terutama ketika kecemasan? Jawabnya penghuni sendiri.

Cuma kawan-kawan Kedai Kopi simpati dengan para penghuni lain yang sentiasa peka menjaga kebersihan dan harta awam. Mereka turut susah akibat perbuatan segerintir penghuni yang jelas tidak memikirkan kepentingan bersama.

Jika berlaku kerosakan, akan mengambil masa untuk dibaiki. Sedihnya, apabila sudah diperbaiki, rosak lagi. Sampai bila perkara seperti ini harus dibiarkan dan mereka yang tidak terlibat turut teraneri?

Kerana itu harapan kawan-kawan Kedai Kopi, jika benar kurus kesedaran sivik menjadi prasyarat bakal penghuni PPR dan PA, ia akan menanamkan dalam diri mereka dan anak-anak kaedah hidup bermasyarakat. Semua bertanggungjawab terhadap

kesejahteraan persekitaran dan menjaga harta benda.

Di Wilayah Persekutuan, permintaan untuk PPR dan PA memang mendesak. Jumlah yang menunggu untuk mendapat kediaman bertambah setiap tahun sedangkan bekalan tidak dapat memenuhi permintaan.

Rumah PPR dan PA menjadi pilihan ramai kerana harga atau sewanya sangat munasabah. Kerana itu menjadi rebutan mereka yang berpendapatan rendah atau B40. Kawan-kawan Kedai Kopi faham PPR dan PA menjadi pertanggungan mereka sesuai dengan kemampuan.

Oleh itu, mereka yang berpeluang menduduki PPR dan PA bersyukurlah kerana berasas baik berbanding mereka yang masih menunggu entah bila akan dapat. Sayanglah PPR dan PA. Jaga keindahan dan kebersihan serta jangan melakukan vandalisme.

### Miskin tegar menurun

**BERITA** menggembirakan. Jumlah miskin tegar di Kuala Lumpur dilapor berkurangan sebanyak 44 peratus pada tahun lalu. Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan terdapat 2,713 keluarga miskin tegar di ibu negara pada 2022 berbanding 3,865 pada 2021.

Selain itu, jumlah keluarga miskin di ibu kota

jugak menurun 15 peratus daripada 4,545 pada 2021 kepada 3,874 pada tahun lalu.

Statistik ini diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Ghani, di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, perkembangan ini sangat menggalakkan dalam suasana isu miskin bandar yang selalu diperkatakan. Terdapat ramai yang tinggal di ibu kota adalah golongan berpendapatan rendah atau B40 yang seringkali menghadapi cabaran hidup di bandar kerana kos kehidupan tinggi.

Kos tempat tinggal tinggi, barang keperluan dan makanan tinggi. Ini menyebabkan mereka perlu berjimat cermat atau membuat lebih daripada satu pekerjaan bagi memastikan dapat memenuhi perbelanjaan untuk keluarga.

Dalam hal ini, bantuan kerajaan sedikit sebanyak meringankan beban warga kota. Misalnya melalui pelbagai skim seperti Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah, MyMedic@Wilayah, MyFood@Wilayah serta MyJob@Wilayah.

Kawan-kawan Kedai Kopi harap usaha mengurangkan kemiskinan di ibu negara dan Wilayah Persekutuan akan dilipat ganda dalam usaha mencapai sasaran sifar miskin tegar pada 2025. Putrajaya sudah pun berjaya mencapai matlamat ini pada Julai 2022.

### SIDANG REDAKSI

**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

**WARTAWAN KANAN**  
Azlan Zamby  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

**WARTAWAN**  
Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer6@gmail.com](mailto:deelanjer6@gmail.com)  
Sabrina Sabre  
[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)  
Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

**GRAFIK & MULTIMEDIA**  
Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Fauzi Taib  
[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

**JURUFOTO & VIDEO**  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwkt@gmail.com](mailto:aminwkt@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

**KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN**  
Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm866@gmail.com](mailto:nhmm866@gmail.com)

**OPERASI & PEMASARAN**  
Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)



MASUK PERCUMA!

# Kunjungi Astaka Tourism Malaysia

Dapatkan Pakej-Pakej Percutian Domestik  
Yang Menarik!

## MATTA FAIR 2023

17-19 Mac 2023  
10.00 pagi – 9.00 malam

Aras 1, Malaysia International Trade &  
Exhibition Centre (MITEC), KL

Keep Calm &  
Glamp On



Inilah  
Masanya!  
cuti-cut Malaysia

# Masih ingat “Gua caya lu”



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

**P**ENYAIR dan penyanyi Sani Sudin pernah muncul sebagai pelakon undangan dalam siri sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu arahan Othman Hafshan pada akhir tahun 1980-an. Sitkom itu adaptasi daripada naskhah teater ‘Syyy’ karya Dr Hatta Azad Khan. ‘Syyy’ adalah teater komedi arahan Mior Hashim Manap dipentaskan pada awal tahun 1980-an.

Sebenarnya Sani Sudin hanya muncul sedikit sahaja dalam satu siri sitkom itu, akan tetapi dialognya “Gua caya lu” menjadi sangat sohor kini (*trending*) ketika itu. Sani Sudin sangat diingat dengan dialog itu. Watak penagih dadah yang dilakon itu sangat realistik dan menjadi faktor yang mempopularkan slanga anak muda jalanan era 1980-an.

Sebelum sitkom itu pun memang slanga berkenaan menjadi kata kunci pada setiap perbualan dalam kalangan anak muda di jalanan. Mula-mulanya saya juga menjadi terpinga-pinga kerana banyak yang tidak difahami daripada percakapan anak-anak muda itu. Bagi saya semua itu adalah ‘bahasa baharu’ yang sangat memeningkan.

Kalau diterjemahkan secara longgar, ‘Gua caya lu’ bermaksud saya percayakan awak. Akan tetapi penggunaan slanga itu ada kalanya tidak merujuk pada maksud, sebaliknya sebagai peningkah yang memberikan perisa dalam perbualan sesama sendiri.

‘Gua caya lu’ adalah sebahagian daripada ungkapan dalam slanga anak muda Kuala Lumpur sebelum menjengah alaf baharu. Banyak lagi ungkapan dan istilah slanga lain yang hanya difahami konteksnya oleh anak muda. Orang yang baharu berada di Kuala Lumpur seperti saya tentu berdepan kesukaran untuk memahaminya.

Waktu itu seingat saya hampir tidak ada yang menggunakan istilah ‘korang’ yang sekarang seolah-olah menjadi bahasa rasmi di banyak stesen radio dan televisyen swasta. Bagi saya konteks penggunaan bahasa slanga seperti ini adalah tidak rasmi. Kalau stesen radio menggunakan istilah ‘korang’ tanpa rasa bersalah, itu adalah suatu yang biadab.

Seiring dengan popularnya frasa ‘Gua caya lu’, istilah seperti gua dan lu juga digunakan secara



WATAK penagih dadah lakonan Sani Sudin dalam sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu mempopularkan dialog “Gua caya lu”.

meluas oleh kelompok anak muda jalanan. Banyak dalam kalangan kawan-kawan saya waktu itu membahasakan dirinya sebagai gua dan ganti nama kedua sebagai lu.

Bagaimanapun saya sangat kekok untuk menyebut istilah gua atau lu. Jauh sekali ‘Gua caya lu.’ Saya menggunakan istilah dan loghat Perlis. Maka banyaklah yang menjadikan saya sebagai bahan jenaka, “Tu dia Pak Ku dah mai dah.... Hangpa nak pi mana”.

Sebenarnya banyak juga teringin bercakap bahasa utara, tetapi sesetengahnya lebih suka bercakap loghat Kuala Lumpur. Berbeza dengan saya yang mempunyai rasa bangga yang tinggi terhadap loghat Perlis dan terus bercakap tanpa rasa malu atau ragu.

Saya berbangga dengan istilah dan loghat Perlis di tengah-tengah Kuala Lumpur. Apakah yang hendak dimulakan, orang Kuala Lumpur pun ada slanga dan loghat sendiri. Saya tetap menekankan bunyi ‘a’ dengan sejelas-jelasnya. Bukananya bunyi ‘a’ ditukar menjadi ‘e’. Misalnya “Saya hendak pergi ke sana.” Bukananya, “Saye hendak pegini sane.”

Sebenarnya slanga seperti ‘Gua caya lu’ dengan sendirinya menunjukkan sifatnya yang jalanan dan di luar arus perdana. Daripada pengkajian saya, slanga itu dicetuskan dalam kalangan penagih dadah yang sebahagian besarnya lalok 24 jam.

Menyebut ‘Gua caya lu’ pun dengan gaya yang menunjukkan kelalokan. Banyak penagih dadah yang menjaga tempat letak kereta haram menggunakan slanga jalanan seperti ini apabila berbual sesama sendiri dan orang lain. Sebab itulah

**“Kalau diterjemahkan secara longgar, ‘Gua caya lu’ bermaksud saya percayakan awak. Akan tetapi penggunaan slanga itu ada kalanya tidak merujuk pada maksud, sebaliknya sebagai peningkah yang memberikan perisa dalam perbualan sesama sendiri.”**

apabila Sani Sudin muncul di televisyen dengan watak penagih dadah, slanga itu menjadikan wataknya begitu realistik.

Slanga ‘Gua caya lu’ bukan bahasa pasar. Sebaliknya slanga yang digunakan oleh sekelompok yang kecil pada era dan status sosial tertentu sahaja. Orang Kuala Lumpur pun banyak yang tidak faham dengan slanga jalanan seperti itu kerana lingkungannya sangat kecil.

Sekalipun begitu, ‘Gua caya lu’ menjadi tagline popular menjalar hingga ke luar lingkungan sosial anak muda jalanan. Sani Sudin adalah faktor pemangkin kerana populariti sitkom Pi Mai Pi Mai Tang Tu yang sangat tinggi. Sesuatu yang dipaparkan dalam siri itu mudah sahaja melekat kepada penonton.

Malah Sani Sudin pada era berkenaan sangat sinonim

dengan slanga berkenaan. Watak penagih dadah itu sangat disukai dan banyak juga pelakon watak penagih dadah selepas Sani Sudin meniru perwatakan itu. Sani Sudin melakonkan dengan begitu hidup kerana menguasai alam jalanan itu. Malah dalam kehidupannya Sani Sudin adalah seniman jalanan di Kuala Lumpur.

Slanga di atas adalah identifikasi kelompok, zaman dan lingkaran sosial yang melanda anak muda di Kuala Lumpur. Maka bukan suatu yang mengejutkan kalau ada yang tidak faham yang diperkatakan oleh sesetengah daripada remaja kita. Itulah slanga yang dituturkan oleh sebahagian remaja Kuala Lumpur suatu waktu dulu.

Hal yang demikian membuktikan kewujudan slanga adalah suatu yang semula jadi oleh kelompok sosial tertentu, sukar disekat dan tidak perlu dibimbangkan kesan buruk selagi tidak digunakan dalam konteks yang rasmi. Slanga ‘Gua caya lu’ juga berkembang selari dengan era muzik rock tahun 1980-an.

Akan tetapi selepas hampir tiga dekad berlalu, slanga ‘Gua caya lu’ sudah hampir pupus, sama seperti dinginnya muzik rock pada masa ini. ‘Gua caya lu’ sudah menjadi terasing dan terpinggir daripada anak muda jalanan masa kini.

Kini anak-anak muda sama ada di jalanan atau menara gading membina dan mempopularkan slanga yang hanya difahami dalam kalangan mereka. Kalau diambil jarak masa antara ‘Gua caya lu’ hingga kini, sudah banyak slanga yang silih berganti.

Slanga memang ada tempatnya. Maka biarlah slanga hanya menjadi

bahasa jalanan atau kaki lima dan tidak wajar menjadi sebahagian daripada bahasa di tempat yang rasmi atau media. Adab berbahasa itu sangat penting dijaga supaya kita dapat membezakan antara tepi jalan dengan tempat yang rasmi.

Saya fikir tidak ada apa yang perlu dibimbangkan mengenai slanga selagi penggunaannya tidak diperluaskan oleh media dan meletakkannya setaraf dengan bahasa Melayu. Slanga itu akan berubah dan hilang apabila sampai sempadan eranya dan timbul pula slanga baru.

Pada masa yang sama slanga apa sekalipun tidak wajar menjadi bahasa di TV, radio atau media cetak. Biarlah slanga dengan arus datang dan perginya. Ia tidak perlu disuburkan sekalipun bertujuan mendekati anak muda. Bagaimanapun usaha memartabatkan bahasa Melayu mestu terus diperkasa.

Toleran dengan slanga anak muda bukan bermakna merendahkan martabat bahasa Melayu. Slanga anak muda tidak wajar menjadi isu selagi ia sekadar komunikasi sesama mereka. Bahasa Melayu tetap pada martabatnya.

Akan tetapi yang menyakitkan hati adalah apabila peneraju stesen radio dan televisyen tidak dapat membezakan slanga, bahasa pasar dengan bahasa Melayu dalam konteks rasminya. Maka naik loya rasanya apabila ada pengacara terkinja-kinja sambil menyebut ‘korang’ kepada penonton.

Dalam hati saya berkata, “Hangpa ni memang loklaq. Elok tengalung dengan teloq kemuruk”.

*Sajak*

## AFAL DAN AKWAL

*Di dalam rimba  
Aku mencari saka  
Terlucut kata  
Madah petaka  
Sarat suasana  
mengimbau lara  
tersedak bicara  
di anjung angsan  
lautan kecewa  
mula melata  
sayup persimpangan desa  
bergema seluruh nista  
jauh di ambang sana  
menganyam dosa dan pahala  
gara-gara tersalah kata.*

**OUI BIN SAL**  
*Tanah Merah, Kelantan.*

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Perbaiki operasi WBB, elak rungutan

**I**NISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB), program murni membantu rakyat yang menghadapi kesukaran hidup akibat pandemik COVID-19, kini bagi ‘kelam kabut’. Walaupun pada peringkat awal program ini bermula pada 2020 ia dilihat lancar, kini semakin ramai menyuarakan rasa tidak puas hati.

Program yang dilaksanakan ketika era mantan Menteri Wilayah Persekutuan (WP), Tan Sri Annuar Musa, dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tujuannya untuk membantu golongan yang terkesan dengan COVID-19 untuk bermiaga kecil-kecilan.

Ini berikutnya ramai di WP yang hilang kerja dan sumber pendapatan apabila banyak sektor ekonomi gulung tikar atau berhenti operasi tanpa pasti bila kembali dibuka. Ini mengundang masalah kepada yang hilang kerja untuk meneruskan hidup menyara keluarga terutama yang berkeluarga besar.

Kerana itu selain bantuan kerajaan dalam bentuk kewangan dan bakul makanan, WBB diwujudkan. Yang hilang kerja digalak menyertai skim ini. Syaratnya juga mudah. Mereka dibenar bermiaga di kawasan sesuai yang dipilih sendiri dengan mendirikan gerai khemah atau kanopi. Jenis barang untuk diniaga juga bebas selagi tidak menyalahi undang-undang.

Peniaga bagaimana pun dikehendaki memperoleh lesen daripada DBKL untuk memudahkan DBKL memantau aktiviti mereka. Perniagaan pula perlu berbentuk ‘berniaga dan simpan’. Maksudnya, selepas habis, semua peralatan termasuk khemah dan kanopi mesti disimpan atau dibawa balik.

Selain itu peniaga perlu memastikan perniagaan tidak mengganggu pergerakan orang ramai atau lalu lintas, termasuk kawasan parkir. Juga kebersihan persekitaran mesti dijaga sepanjang masa. Sampah sarap dikutip dan dibuang, tidak dibiar bertaburan di kawasan niaga.



**WBB wajar diteruskan tetapi hendaklah ditambah baik kaedah operasinya agar tidak menjadi rungutan orang ramai.**

Daripada pengamatan Adi sendiri, WBB memang mendapat sambutan. Ramai ingin mencuba nasib bermiaga. Ada yang berbuat demikian sementara beroleh kerja setelah sektor ekonomi kembali pulih, ada juga yang jatuh hati dan ingin terus bermiaga.

Hakikat bahawa WBB terus menerus disambung setiap enam bulan apabila tamat tempoh membuktikan populariti skim ini. Penyertaan kian bertambah. Ia juga membantu membentuk masyarakat peniaga sebagai sumber rezeki.

Tempoh sambungan WBB yang terbaru ialah pada Disember 2022 dan akan tamat pada bulan Jun 2023. Adi tidak pasti sama ada pihak berkusa akan menyambung WBB selepas Jun nanti.

Ini kerana rasa suara tidak puas hati semakin kuat kedengaran disuarakan oleh orang ramai yang tidak berpuas hati dengan WBB. Ini menyebabkan DBKL sendiri perlu memikirkan kembali operasi inisiatif tersebut atau mengubah kaedah pelaksanaan WBB.

Menurut yang Adi faham, orang ramai tidak membantah WBB. Mereka tiada masalah jika ada yang mahu bermiaga sebagai sumber pendapatan. Apa yang menjadi kemusyikan dan rungutan ramai ialah apabila melihat WBB tidak lagi lancar, kemas dan teratur seperti permulaan dahulu. Gerai bertaburan di sana sini, tidak tersusun.

Nampak seperti orang ramai sesuka hati memacak khemah atau kanopi niaga sehingga menimbulkan persoalan adakah mereka ini benar-benar peniaga yang dilesen di bawah WBB.

Atau adakah mereka ini sebenarnya mengambil kesempatan daripada populariti WBB untuk menyelit mendirikan khemah niaga dalam kalangan peniaga WBB? Sukar dipastikan kecuali pihak DBKL melakukan pemeriksaan satu persatu.

Warga kota juga menyifatkan para peniaga tidak bertimbang rasa. Mereka bermiaga di lokasi tidak sesuai termasuk di laluan pejalan kaki dan petak parkir. Mereka menghalang laluan, menyesakkan lalu lintas, kotor dan mencacatkan pemandangan.

Situasi seperti ini sebenarnya Adi saksikan sendiri. Misalnya di kawasan Taman Tasik Titiwangsa. Banyak kawasan parkir untuk orang ramai dirampas oleh peniaga dengan mendirikan khemah dan kanopi. Ada pula yang parkir trak makanan. Orang ramai yang ingin bersantai bersama keluarga terpaksa melalui mencari parkir.

Sesetengah peniaga pula menjadikan kawasan parkir sebagai kawasan tetap milik sendiri. Kerusi meja dan khemah

tidak disimpan selepas bermiaga. Trak makanan juga diparkir di lokasi. Ini semua melanggar syarat lesen yang diberikan oleh DBKL dan memang wajar tindakan diambil.

Perbuatan peniaga ini juga didakwa menyusahkan orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam. Khemah penjaja dan kenderaan pelanggan yang diletakkan di tepi jalan menghalang bas berhenti di lokasi ditetapkan. Akibatnya pengguna terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan bas.

Peka dengan rungutan orang ramai dan menyedari WBB mungkin disalah guna, Adi difahamkan DBKL bakal mengambil tindakan tegas untuk mengatas masalah tersebut.

Difahamkan, antara langkah yang bakal diambil ialah tidak lagi membiarkan peniaga bebas sesua hati di kawasan lapang. Sebaliknya mereka mungkin ditempatkan ke pusat-pusat penjaja atau bangunan pasar milik DBKL.

Pada Adi ini satu langkah proaktif yang dialu-alukan serta bersifat serampang dua mata. Pertama ia meletakkan peniaga di kawasan yang mudah dipantau dan dikawal. Kedua mengurangkan rungutan orang ramai.

Ini bertepatan dengan kenyataan DBKL bahawa usaha ini dapat memastikan kegiatan peniaga WBB tidak menyebabkan gangguan kepada pejalan kaki dan menyesakkan aliran lalu lintas.

Sehingga itu, tindakan berterusan tetap diambil terhadap mereka yang menghalang lalu lintas. Tindakan tegas juga diambil terhadap mereka yang membuat kotor di kawasan niaga

masing-masing atau tempat awam.

Adi sendiri berpendapat memang wajar skim WBB ini dikaji untuk ditambah baik tetapi pada masa sama tetap memberi peluang kepada peniaga kecil meneruskan aktiviti.

Misalnya isu khemah yang kian bertambah dipacak di sana sini mewujudkan pemandangan buruk di ibu negara. Memburukkan keadaan ialah sikap peniaga yang tidak mempedulikan kebersihan sekeliling. Tentunya ini bukan yang warga kota mahu.

Kerana itu masalah tersebut perlu diselesaikan. Cadangan menempatkan peniaga WBB di kawasan tertutup seperti pusat penjaja, dapat memupuk sikap lebih berdisiplin dalam kalangan peniaga kerana a banyak mata memerhatikan tingkah laku mereka.

Adi difahamkan ada pihak yang berpandangan kerana WBB diperkenal ketika pandemik untuk membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19, kini setelah memasuki fasa endemik sejak April tahun lalu, maka wajar skim WBB dimansuhkan.

Pada Adi, pandangan ini agak keterlaluan. Walaupun pandemik sudah berlalu, mungkin ada peniaga yang masih belum beroleh kerja baharu. Juga mungkin ada yang ingin terus bermiaga serta tidak berhasrat mencari kerja lain.

Kerana itu WBB wajar diteruskan tetapi hendaklah ditambah baik kaedah operasinya agar tidak menjadi rungutan orang ramai. Pihak DBKL mesti membuat kawalan dan pemantauan lebih ketat agar peniaga patuh pada peraturan ditetapkan. Pendek kata WBB mestilah segera berwajah baharu.

**Adi—Biasa makan di gerai.**

*Adi Taah*

*Sjakk*

**TAK MENDUGA**

Sebermula muncul pelangi  
masa depan di kanvas  
dan kita ambil matahari  
menyuluh cahaya  
tak kita menduga  
di tengah-tengah  
padang kehidupan  
luntur warnanya  
dibasahi hujan  
Tak kita menduga  
di antara bilah masa  
ada tajam yang menikam  
melukakan merah ke dada  
hangat menghambur  
menghancur  
kota cinta

**SARAH ROSS**  
Taiping, Perak.

## SKETSA SEMASA

Wilayah Ku



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**  
Tel: 03-8861 5260 E-mel: [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com)

1,500 pelajar terima bantuan Back To School

# 'Hadiah bermakna buat kami,' - penerima

HAZIRAH HALIM

MENJELANG pembukaan semula sesi persekolahan bagi penggal baharu tahun 2023, seramai 1,500 anak-anak murid sekolah daripada kategori golongan berpendapatan rendah (B40) di sekitar kawasan parlimen Bandar Tun Razak menerima bantuan Back To School di Stadium Bola Sepak, Cheras, Kuala Lumpur pada 12 Mac lalu.

Sumbangan berupa beg sandang termasuk pakaian, alat tulis, botol air dan kasut bukan sahaja mengukir senyuman di wajah pelajar-pelajar sekolah malah turut melegakan dan meringankan beban perbelanjaan ibu bapa untuk melengkapkan kelengkapan sekolah anak-anak.

Salah seorang ibu kepada penerima bantuan, **Siti Norsanisah Abd Samad**, 52, bersyukur dan menganggap sumbangan ini sebagai hadiah istimewa dan bermakna buatnya kerana anaknya, Syed Rayyan Zickery Syed Mustaffa, 13, tidak pernah menerima apa-apa bantuan kelengkapan persekolahan seperti ini daripada mana-mana pihak.

"Syukur alhamdulillah, bantuan



**WAN Azizah (sebelas dari kiri atas) bergambar bersama sebahagian pelajar sekolah kategori B40 Parlimen Bandar Tun Razak Ahad lalu.**

ini sangat membantu saya. Bantuan ini juga telah mengurangkan kos perbelanjaan dan meringankan beban suami memandangkan pendapatan kami sekeluarga bergantung kepadanya.

"Justeru itu, saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Wilayah

Persekutuan (YWP) dan seluruh pihak terlibat kerana menyedari keadaan dan keperluan golongan B40 dan memberikan bantuan ini kepada anak saya," katanya kepada **Wilayahku**.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Tun Razak, Nurhanna Natasyah Mohd Hanif, 17, bersyukur

kerana terpilih untuk menerima sumbangan ini serta berharap ia akan memberi semangat dan motivasi kepadanya untuk memperoleh kejayaan dalam kehidupan dan pelajaran.

Terdahulu, Program Back To School yang berlangsung ini merupakan anjuran Majlis Parlimen Bandar Tun Razak dengan kerjasama

## Info ADUAN

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

ma YWP yang bertujuan membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga B40 di sekitar Wilayah Persekutuan.

Penyerahan bantuan tersebut telah disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri yang juga merupakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan diiringi Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin serta Pengarah Eksekutif YWP, Abdul Rahman Siraj.

# Hari Kraf Kebangsaan 2023: Perkasa keunikan kraf tempatan

BAGI menghargai sumbangan usahawan dan penggiat kraf dalam membangunkan serta memperkasa produk kraf Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Kraftangan Malaysia menganjurkan Hari Kraf Kebangsaan (HKK) 2023 buat kali ke-20 pada 1 hingga 13 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, **Ainu Sham Haji Ramli** berkata penganjuran HKK 2023 yang berlangsung selama 13 hari itu

mendapat sambutan menggalakkan daripada seluruh rakyat Malaysia sekaligus berjaya mencapai sasaran jualan dan pengunjung yang ditetapkan.

"Acara tahunan ini lebih istimewa kerana ia mengangkat tema 'Ini Kraf Malaysia' sebagai suntikan pengetahuan, kesedaran dan kecintaan terhadap produk kraf Malaysia selain turut menghimpunkan seramai 550 usahawan kraf dalam kategori golongan berpendapatan

rendah (B40) dari seluruh negeri di Malaysia termasuk usahawan pedalam di Sabah dan Sarawak.

"HKK 2023 menghimpuinkan pelbagai rekaan produk kraf baharu dalam bidang kraf tekstil, hasil rimba, tanah, hasil logam dan aneka kraf yang dibuat sendiri oleh usahawan kraf dari seluruh negeri.

"Selain itu, ia turut mengetengahkan pelbagai aktiviti menarik seperti jualan kraf, padanan perniagaan, pameran-pameran

kraftangan, demonstrasi kraf, persembahan kesenian dan banyak lagi," katanya ketika ditemui selepas Sesi Penyampaian Hadiah Beli, Putar dan Menang di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay pada Ahad lepas.

Menurut 'Ainu Sham, pengajuhan HKK 2023 ini bukan sahaja dapat menggalakkan masyarakat menggunakan pakai produk tempatan malah ia juga menjadi medium pertemuan penggiat industri dan pencinta kraf

bertukar-tukar pandangan bagi kemajuan industri kraf negara.

"Kami berharap rakyat Malaysia terus menyokong dan membeli produk keluaran tempatan bagi membantu meningkatkan industri kraf negara," ujarnya.

Terdahulu, HKK 2023 telah dirasmikan oleh Menteri MOTAC, Datuk Seri Tiong King Sing dan turut mendapat kunjungan daripada isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

# YWP komited rangka program, bantu warga Wilayah Persekutuan

DEEL ANJER

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa fokus dalam membantu rakyat disaat keadaan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan.

Menyedari bebanan yang dihadapi rakyat, YWP tidak putus-putus merangka pelbagai bantuan untuk meningkatkan taraf ekonomi warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Mengakui hal tersebut, salah seorang kakitangan YWP, **Muhammad Thaqifiddin Norrazman** mengakui teruja dengan kesungguhan majikannya merencana program demi membantu warga wilayah khususnya.

"Antara peranan YWP adalah memberi platform kepada generasi muda untuk bermula melalui program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).

"YWP sentiasa menyokong anak-anak muda untuk menjana pendapatan dengan menyediakan lokasi bermula dan bantuan gerai mudah alih," ujar Pembantu Tadbir YWP ini menjelaskan program tersebut turut mendapat

sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan agensi terlibat.

Tambahnya lagi, YWP turut menyediakan Skim Mikro Kredit Wilayah Persekutuan yang berujuan memberi pinjaman modal perniagaan tanpa sebarang faedah selain Program MyGrocer@ Wilayah.



**THAQIFFIDDIN** (tiga dari kiri) di acara makan malam sempena PESAYA ke-14 di Kuching, Sarawak pada Februari lalu.

"Program MyGrocer@Wilayah adalah jualan murah barang keperluan asas kepada penduduk di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam.

"Bukan itu sahaja, YWP juga

akan terus menyalurkan bantuan khas untuk pendidikan, pelaksanaan program, bantuan bencana, bantuan perubatan dan banyak lagi," jelasnya yang sentiasa terlibat dalam aktiviti turun padang.



**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN



17 - 23 MAC 2023. Bil 204

Wilayah Ku

# KLPF 2023: Keunikan taman di tengah kota

**FESTIVAL** Taman Kuala Lumpur 2023 atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Park Festival 2023 (KLFP 2023) merupakan program penjenamaan semula daripada Program Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) yang pernah dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 2012, 2014, 2015 dan 2017.

Ia diadakan bertujuan untuk mempromosikan taman-taman awam di Kuala Lumpur di samping memberi pendedahan kepada warga kota khususnya tentang bidang landskap, reka bentuk hiasan dalam rumah, kaedah penjagaan serta tanaman berdasarkan makanan.

Terbaru, pengajuran KLFP 2023 di bawah penyeliaan Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi, DBKL diadakan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 4 hingga 12 Mac lalu berlangsung meriah dengan sambutan dan kunjungan menggalakkan daripada seluruh pengunjung di Malaysia termasuk pelancong asing.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





## Catat lebih 100,000 pengunjung



DARI MUKA 9

**PENGANJURAN** Kuala Lumpur Park Festival 2023 (KLPF 2023) yang diadakan buat julung kalinya selepas terhenti seketika susulan pandemik COVID-19 berjaya melepas sasaran yang ditetapkan di mana lebih 100,000 pengunjung dari seluruh Malaysia termasuk pelancong asing hadir memeriahkan program yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengangkat tema Laman Seni dan Flora Malaysia, KLPF 2023 mengetengahkan sembilan komponen pertunjukan berasaskan aktiviti dan pertandingan laman serta seni arca yang dihasilkan oleh warga kota Kuala Lumpur iaitu Balcony KL Showdown; Environmental Arts Competition; Mystical Dome of Titiwangsa; Hab Pelajar; Garden of Heaven dan sebagainya.

Pelbagai pengisian acara turut disajikan sepanjang festival ini berlangsung antaranya pameran, pertandingan, jualan dan persembahan. Lebih menarik, ia bukan sahaja mendapat penyertaan daripada orang awam bahkan turut disertai oleh sekolah, agensi kerajaan dan swasta

serta 12 Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di Malaysia yang berentap dalam Pertandingan Malaysian Art and Flora Garden.

Antaranya Perbadanan Putrajaya (PPj) selaku rakan pengajur, Dewan Bandaraya Kuching Utara; Majlis Bandaraya Iskandar Puteri; Majlis Bandaraya Shah Alam; Majlis Perbandaran Kuala Langat dan banyak lagi.

Keunikan rekaan tanaman berbentuk landskap dan hiasan pokok di sekeliling kawasan taman menarik perhatian pengunjung untuk melihat sendiri keindahan yang dipamerkan. Orang ramai juga tidak melepaskan peluang bergambar kenangan di lokasi *instagrammable* yang menunjukkan keunikan *Art Installation* seperti *Colourful Hanging Floating, Mountain Rhythm* dan *Magic Spring* serta laman-laman menarik.

Di samping membantu pihak terlibat memamer dan mempromosikan kreativiti mereka, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut membantu usahawan tempatan menjana pendapatan dengan membuka 72 buah gerai jualan merangkumi jualan bunga-bunga; pokok; peralatan kebun dan buah-buahan selain pelbagai pilihan juadah di *foodtruck* sepanjang festival berlangsung.

Dalam pada itu, penganjuran festival ini menjadi lebih bermakna apabila



DBKL mendapat dua pengiktirafan daripada *Malaysia Book Of Record* iaitu *Most House Plant Species In An Exhibition* yang mana pihaknya telah menempatkan lebih 50,000 pokok daripada 5,120 spesis di dalam satu pameran.

DBKL juga berjaya merangkul pengiktirafan *Most Ribbon Knots Art In An Installation* di mana terdapat hiasan ribbon pallet sepanjang 60 meter dengan 17,150 ikatan daripada 35 jenis tona warna ribbon yang diperbuat daripada kain satin.

Pengarah Jabatan Pembangunan Lanskap Dan Rekreasi, **LAr Zulkifli**



**Endut** menyifatkan pengiktirafan tersebut merupakan kejayaan unggul buat Jabatan Pembangunan Lanskap Dan Rekreasi dan pihak-pihak terlibat dalam menjayakan festival tersebut.

"Jutaan terima kasih saya ucapkan khususnya kepada semua pihak yang terlibat terdiri daripada tiga

penaja utama iaitu Aset Kayamas, TRX Exchange dan Telekom Malaysia Berhad (TNB) termasuklah 20 penaja produk antaranya Adabi, PPZ-MAIWP, Pro Landscape Structure, MARDI dan lain-lain.

"Kejayaan ini juga memberi galakkan dan semangat baharu kepada

kami untuk terus mengadakan festival ini dengan mempelbagaikan lagi tarikan pameran, aktiviti dan hebahan di masa hadapan agar KLPF menjadi acara bertaraf antarabangsa.

"Melalui festival ini juga, orang ramai akan lebih terdedah kepada idea baru menghiasi ruang kediaman mereka dan mempromosikan pelbagai aktiviti taman serta memupuk budaya penghayatan alam semula jadi kepada warga kota," katanya kepada *Wilayahku*.

Terdahulu, KLPF 2023 berlangsung selama sembilan hari dengan kemasukan secara percuma bermula pukul 9 pagi hingga 10 malam dan ia diadakan bersempena Hari Lanskap Negara 2023.



# Beri sinar baharu buat usahawan tanaman



DEEL ANJER

**USAHA** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempamerkan keunikan rekaan landskap menerusi Program Kuala Lumpur Park Festival 2023 (KLPF 2023) bukan sahaja mendedahkan warga kota khususnya dalam bidang landskap dan reka bentuk hiasan dalaman malah ia juga dilihat memberi sinar baharu kepada para usahawan tanaman sebagai platform buat mereka memperkenalkan dan mempromosikan pokok atau produk berkaitan.

Menyambut baik pelaksanaan festival tersebut, salah seorang peniaga terlibat, **Azlie Mohamad**, 37, berkata KLPF 2023 membuka ruang kepada dia dan isteri untuk kembali menjana pendapatan dan memperkenalkan

pokok-pokok hiasan yang dihasilkan bersama ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

"Bagi saya ini platform terbaik untuk para peniaga seperti kami menjual produk-produk tanaman pokok yang dihasilkan. *Alhamdulillah*, sambutan amat menggalakkan dan ramai pelanggan dari seluruh Malaysia termasuk pelancang luar negara ambil peluang untuk melihat dan memilih sendiri pokok-pokok yang ada.

"Sepanjang 9 hari berlangsung, saya menjual pelbagai pokok jenis Aroid



AZLIE



AUGUSTINE



KJ WONG

*Plants* yang tidak memerlukan cahaya matahari secara terus kerana biasanya pokok sebegini tidak berbunga dan hanya berdaun sahaja.

"Pokok 'Aroid Plants' ini terdiri daripada pelbagai jenis antaranya *Soleum Monstera*; *Lime fziddle*; *Begonia Rex*; *Philodendron Corsinianum*; *Strawberry Shake*; *Florida Beauty*; *Jose Buono* dan ia juga amat sesuai ditanam di kawasan perumahan

seperti pangapuri kerana perumahan ini mempunyai ruang yang bersesuaian dan cantik untuk dihias," katanya kepada *Wilayahku*.

Bagi **Augustine Thong**, 36, dia berpuas hati dengan sambutan dan kemeriahannya KLPF 2023 di samping turut bersyukur kerana gerainya dikunjungi ramai pelanggan sejak hari pertama festival diadakan.

"Saya sangat gembira apabila dapat menjual secara langsung dengan pelanggan malah saya rasa seronok untuk berkongsi cara penjagaan dan penanaman pokok bersama pelanggan.

"Antara pokok yang laris terjual adalah *Tropical Hydrangea* atau lebih dikenali sebagai pokok Bunga Tiga Bulan kerana pokok ini sukar didapati di mana-mana dan ia sesuai dengan keadaan cuaca negara kita selain bersaiz sederhana dan sangat

cantik serta sesuai untuk diletakkan di mana-mana ruang," katanya yang turut menjual pokok *Philo Glorious*, *Epi Marble*, *Monstera Dubia*, *Domesticum*, *Monstera Albo* dan banyak lagi.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Serbahadi Gardens, **KJ Wong**, 40, berkata banyak hasil pokok-pokok tanamannya mendapat perhatian pelanggan terutama pokok *grow booster* di mana ia merupakan produk yang paling laris terjual.

"Kalau di luar kami bekalkan pokok-pokok sayur, benih dan baja untuk kebun-kebun komuniti di Bangsar tetapi pada KLPF 2023 ini kami lebih fokus kepada pokok yang boleh dimakan seperti herba kesum, mint, daun sup, roselle dan banyak lagi. Bukan itu sahaja, ramai juga pelanggan kami memborong benih dan baja yang kami keluarkan," jelasnya. **VK**

**MALAYSIA MADANI**

**SERTAI KAMI**

# Expo & Forum Kerjaya Untuk Belia

- Penulisan, "Design" & Percetakan Resume Percuma
- Fotografi Gambar Profil Percuma
- Pенемпатаn Kerja & Latihan Industri
- Forum Kerjaya
- Pameran
- Temuduga
- Pembangunan Keusahawanan

\*E-Sijil akan di sediakan (peserta forum sahaja)



**YOUTH EMPOWERMENT FAIR 2023**

**18 & 19 MARCH**

**KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE**

**MELAKAR masa DEPAN**

**KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN**

**SEGMENT KHAS**  
DIALOG ANAK MUDA

**TEMU ANWAR**

19 MAC 2023, AHAD

DEWAN 6 & 7, KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

3:00 PM

**MASUK PERCUMA**

**yef2023 myyef2023 yef2023**

**YAYASAN GOSTRONG MALAYSIA**

**MINDS MALAYSIA**

**Rakan Pengajar:**

**aic**

jahtera Malaysia



**PERDANA MENTERI**, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) bersama penceramah bebas jemputan, Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid (hadapan, empat dari kanan) mengaminkan bacaan selepas Program Selawat dan Munajat Perdana Untuk Malaysia bertemakan 'Mahabbah Rasulullah Asas Kejayaan Malaysia MADANI' di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada 11 Mac lalu.



**ISTERI PERDANA MENTERI** merangkap Ahli Parlimen Bandar, Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah diiringi Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin menyampaikan bantuan Program Back to School 2023 kepada 1,500 pelajar B40 sekitar Parlimen Bandar, Tun Razak di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur. Turut hadir Pengarah Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Abdul Rahman Siraj.



# 200 sukarelawan JWP, agensi redah selut bantu mangsa banjir Johor



FOTO: FARIS AZMI (PPj)  
SYUQQREE DAIN

**J**ABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) telah menghantar Misi Bantuan Banjir ke Segamat, Johor ekoran bencana banjir yang menimpa negeri tersebut.

Misi bantuan yang disertai oleh 200 sukarelawan terdiri daripada kakitangan JWP dan agensi telah berkampung selama tiga hari di Johor iaitu dari 8 hingga 10 Mac bagi memberikan bantuan pasca bencana merangkumi aktiviti pembersihan rumah mangsa, infrastruktur awam, bangunan yang terjejas banjir dan kawasan-kawasan sekitar.

Dalam pada itu, sebagai tanda perpaduan dalam memberikan bantuan, pasukan misi banjir ini juga berkesempatan bergotong-royong membersihkan kediaman keluarga tiga orang kakitangan PPj yang terjejas akibat banjir di Sungai Gatom, Labis. **WK**





DEEL ANJER

# 'Lelaki itu ludah Kamal' – Uqasha

**SELEBRITI** popular **Uqasha Senrose** mengakui perasaan takut dalam dirinya masih belum reda. Apatah lagi kata-kata ugutan lelaki yang memukul suaminya, Kamal Adli menggunakan cota masih bermain di fikirannya.

Uqasha berkata apa yang lebih membimbangkan apabila lelaki yang tidak dikenali itu meludah pada Kamal



pada hari insiden tersebut terjadi. "Saya tak pernah rasa takut macam ni dalam hidup saya lebih-lebih lagi ia melibatkan keluarga. Selepas kena

tangkap dia masih senyum pada saya dan Kamal, seolah-olah macam tak takut apa pun.

"Kemudian, dia boleh ludah pada

Kamal lagi ketika kami berselisih di hospital. Dia sempat meludah pada Kamal. Selepas itu, polis bawa dia turun bawah dan dia tengok muka

adik-adik saya masa kerja di acara di Singapura, dia cakap korang semua tunggu!

"Maksudnya apa? Maksudnya dia tak buat kerja ini seorang. Dia ada kuncu-kuncunya," luahnya dalam keadaan hiba.

Terdahulu, Uqasha memuat naik video pendek di *Instagram* yang memaparkan dirinya sedang menangis di hospital dan memaklumkan suaminya telah diserang oleh seorang individu lelaki tidak dikenali sehingga mengalami kecederaan teruk di bahagian kepala.

Menurut Uqasha, ketika kejadian mereka sedang melayani peminat di sebuah ekspo yang berlangsung di Singapura sebelum ada seorang lelaki mencari suaminya.

Bagaimanapun, dia menyangka lelaki tersebut merupakan peminat Kamal yang ingin mengajak bergambar bersama. Namun, secara tiba-tiba lelaki itu mengeluarkan cota besi daripada poketnya sebelum bertindak memukul Kamal.

Difahamkan, ketika ini Kamal sudah sedar selepas menjalani pembedahan.



UQASHA &amp; KAMAL

## Hafidz Roshdi bakal jalani rawatan psikiatri

**PELAKON** Hafidz Roshdi diperintahkan Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu, Selangor, untuk menjalani rawatan psikiatri pada 28 Mac ini di Hospital Bahagia, Tanjung Rambutan, Ulu Kinta, Perak.

Hafidz atau nama sebenarnya Muhammad Hafidz Roshdi, 29, diikat jamin dengan tiga syarat tambahan.

Hakim Siti Fatimah Talib yang bertindak sebagai Majistret menetapkan Hafidz diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin bersama syarat tambahan iaitu mendapatkan rawatan dan laporan kesihatan di Hospital Bahagia selain dilarang mengganggu mangsa dalam apa juga bentuk dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Peguam yang mewakili Hafidz iaitu Datuk Akbardin Abdul Kader bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Mengikut pertuduhan, Hafidz didakwa menumbuk isterinya, Nurul Shuhada Mat Shukri, 29, mengguna-nakan tangan sebanyak tiga kali

sehingga mangsa mengalami luka, lebam dan Bengkak di pipi kiri.

Mahkamah menetapkan 9 Jun ini bagi sebutan semula kes dan laporan psikiatri tertuduh.

Terdahulu, Hafidz ditahan pada 10 Mac lalu bagi membantu siasatan dalam kejadian menumbuk isterinya.

Bagaimanapun, pelakon drama Kan Ku Kejar Cinta Kamu itu dibebaskan dengan jaminan polis sebaik selesai diambil keterangan pada petang hari sama.

Media sebelum ini melaporkan seorang ahli keluarga Shuhada mengesahkan wanita itu menjadi mangsa keganasan rumah tangga sehingga mengalami kecederaan pada bahagian muka.

Shuhada menafikan perceraian di Mahkamah Syariah Shah Alam dan kes pengesahan lafadz cerai itu akan disebut pada 21 Mac ini.

Hafidz dan Shuhada mendirikan rumah tangga pada 30 April 2016 dan dikurniakan dua cahaya mata iaitu Humairah, 6, dan Umar, 2.



HAFIDZ ROSHDY

**PESERTA** Program Akademi Qurra' iaitu **Tilmiz Saifullah** dan **Tilmizah Nazirah** tidak dapat menahan air mata apabila tersingkir pada peringkat separuh akhir program tersebut yang ditayangkan di TV Alhijrah, Sabtu lalu.

Keputusan itu sekali gus menyskikan lima lagi peserta mara ke pentas akhir. Mereka terdiri daripada Tilmizah Maghfirah; Tilmiz Akasyah; Tilmizah Nooraini; Tilmiz Zuhdi dan Tilmiz Fahmi.

Tilmizah Nazirah, 24, atau nama sebenarnya Nurnazirah Shaharudin berkata dia terlalu sedih kerana terpaksa meninggalkan Akademi Qurra'. "Alhamdulillah, saya dapat peluang hingga ke peringkat separuh akhir, apatah lagi sebelum ini banyak kali di kedudukan bawah. Sejurusnya, saya sudah 'all out' dan buat yang terbaik. Saya fikir, kalau tersingkir tidak mengapa kerana sudah melakukan yang terbaik."

"Saya terlalu sedih tinggalkan Akademi Qurra'. Kedua, air mata syukur sebab dalam kumpulan tinggal saya dan Fahmi saja. Saya memang berdoa supaya dia dapat ke akhir, Potensi dia tinggi dan lebih besar," katanya.

Nazirah berkata dia akur atas keputusan juri selain mengakui kesilapan yang dibuat.

"Bila ada kesilapan, saya berasaskan peluang ke akhir tipis. Malah, kalau tersingkir pun sudah jangka juga."

"Sebenarnya, dari awal lagi tak jangka akan terpilih menyertai program ini hingga mara ke separuh akhir. Awalnya saya hanya tahu dua jenis taranum saja, tapi sekarang

sudah banyak," katanya.

Sementara itu, Tilmiz Saifullah, 19, atau nama sebenarnya Saifullah Khanip Rofli berkata dia berasa sedih kerana gagal menunaikan impian ibunya.

"Dari awal lagi saya memang menasarkan kekal hingga ke akhir. Kedua ibu bapa dan rakan-rakan pun memberikan harapan besar."

Jadi, apabila tersingkir saya tak dapat menahan air mata. Saya beranggapan gagal tunaikan janji pada mak," katanya.

Ketua Juri, Ustaz Tarmizi Abdul Rahman berkata dia bersama juri lain tidak boleh berkompromi soal kesalahan bacaan.

"Antara tujuh peserta, saya sudah ada gambaran dan perkembangan mereka. Macam Saifullah dan Nazirah, taranum mereka agak bahaya, tapi bila dua kesalahan besar dibuat tanpa sengaja dan sedar oleh

Saifullah, ia menguji amanah saya pada Al-Quran.

"Bila tanya pada kedua-dua juri, mereka seolah-olah kejutkan saya yang mana satu kesalahan besar apabila membaca dengan kesalahan huruf. Kesalahan sebegini tak boleh dimaafkan," katanya.

Pada peringkat separuh akhir, Tilmizah Maghfirah mendapat Anugerah Alunan Terindah.

Pentas akhir Akademi Qurra' akan dihoskan oleh Fakhrul UNIC, disiarkan pada 18 Mac ini, pukul 9 malam dan diadili sepenuhnya oleh juri tetap iaitu Ustaz Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Qari Muhammad Qayyim Nizar dan juri jemputan.

Sementara mudarris dan mudarrisah yang menjadi tulang belakang membimbing semua peserta pula ialah Ustaz Ammar Mukhlis, Ustazah Farhatul Fairuzah dan Ustazah Sofizah Mousin. **W.K**

## Akademi Qurra': Saifullah, Nazirah gagal ke peringkat akhir



SAIFULLAH



NAZIRAH (kanan)

# Ahmad Mufid wira kebanggaan DBKL dalam sukan berkuda



FOTO: SYUQQREE DAIN  
HAZRAH HALIM

**S**IAPA sangka baru empat bulan mendalam sukan Tent Pegging, **Ahmad Mufid Maknum** berjaya mengharumkan pasukan Unit Berkuda Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) apabila terpilih sebagai satu-satunya individu yang berjaya mewakili DBKL ke International Tent Pegging World Cup Qualifier Group A di Kaherah, baru-baru ini.

Tambah manis, Pegawai Penguat Kuasa DBKL ini berjaya merangkul tempat ketiga dalam pertandingan tersebut bagi kategori Sword berpasukan.

Malah, dia mengakui sehingga ke hari ini masih tidak percaya dengan kejayaan yang diciptanya bersama atlet dari Unit Berkuda Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ber cerita lanjut tentang perjalannya dalam sukan Tent Pegging, lelaki berusia 32 tahun ini berkata selama sembilan tahun dia terlibat dalam Unit Berkuda DBKL namun pada Oktober tahun lalu dia mula mendalam sukan Tent Pegging.

"Permulaannya hanya sekadar suka-suka sahaja namun tidak sangka kini saya mewakili Unit Berkuda DBKL dan Malaysia dalam sukan tersebut," ujarnya yang aktif bermain acara Show Jumping sebelum ini.

Katanya sebelum terpilih mewakili

negara ke Kaherah, Mesir, dia terlebih dahulu mewakili DBKL dalam pertandingan Tent Pegging di Kuala Lumpur Polo Club dan Taman Equestrian Putrajaya.

"Berdasarkan keputusan pada tiga siri pusingan kelayakan tersebut, saya berada dalam senarai lima terbaik daripada 23 peserta sekali gus berjaya mewakili DBKL untuk berentap di Mesir bersama atlet dari PDRM dan ATM.

"Di Mesir, kami mewakili Malaysia dalam tiga kategori yang dipertandingkan iaitu Tent Pegging selain kategori individu. Kami perlu bersaing bersama enam negara antaranya Mesir, Arab Saudi, Great Britain, Palestin, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Qatar.

"Kami berjaya memenangi tempat ketiga bagi acara Sword berpasukan sementara wakil PDRM berjaya merangkul pingat emas bagi kategori individu.

"*Alhamdulillah*, kejayaan ini berkat kerjasama pasukan selain saya berpuas hati apabila pengorbanan saya membahagikan masa di antara tugas dan latihan sepanjang tempoh persediaan berbaloi.

"Tidak cukup itu, saya terharu dengan sokongan pelbagai pihak antaranya keluarga, jurulatih iaitu Inspektor Nor Rizan Ahmad dan Inspektor Zulkifli Setapa, rakan serta tidak ketinggalan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah," ujar anak kelahiran Teluk Intan, Perak ini.



**ENGGAN DIGELAR PASUKAN 'UNDER DOG'**


**MESKIPUN** gembira dengan kejayaannya namun ternyata banyak cabaran yang perlu ditempuhi sepanjang pertandingan antaranya dia terpaksa berdepan dengan keadaan perubahan cuaca dan kuda.

"Cabaran pada diri sendiri adalah membiasakan diri dengan kuda di sana dalam waktu yang singkat memandangkan ia agak berbeza dengan kuda yang digunakan sepenjangan latihan di Malaysia terutama dari segi komunikasi dan arahan.

"Manakala, cabaran bagi kumpulan pula adalah perubahan cuaca yang mana ada di antara kami yang demam kerana cuaca terlalu sejuk," ujarnya mengakui cabaran tersebut berjaya ditempuhi bersama.

Ditanya tentang hala tuju dan hasratnya dalam sukan berkuda, dia tekad akan terus menyertai apa jua pertandingan sukan berkuda yang dianjurkan untuk mengharumkan nama DBKL dan negara.

"Sebelum ini ramai orang menggelar Malaysia sebagai pasukan '*under dog*' dalam sukan berkuda namun selepas ini saya harap gelaran tersebut tidak lagi digunakan kerana kami akan sedaya upaya mengukir nama dalam sukan ini dan mengharumkan negara di persada dunia," katanya. **W K**



RUTIN harian Ahmad Mufid di Unit Berkuda DBKL, Taman Tasik Titiwangsa.



ANTARA aksi dan hadiah kemenangan yang pernah diterima oleh Ahmad Mufid.



# Miliki kilang emas sendiri, Makmur Gold buka peluang bantu rakyat

**E**MAS merupakan perniagaan sangat menarik dan menguntungkan. Untuk itu, Makmur Gold membuka peluang kepada orang ramai untuk berurus niaga emas memandangkan minat terhadap emas tidak pernah pudar biarpun harganya turun naik.

Apa yang menarik, kelebihan Makmur Gold yang mempunyai kilang pertukangan emas sendiri yang terletak di Gebeng, Kuantan menjadikan syarikat bawah Koperasi Makmur Malaysia Berhad (Ko-Makmur) ini boleh 'berkarya' dengan menawarkan pelbagai reka bentuk perniagaan emas kepada masyarakat.

Situasi ini berbeza dengan kedai emas lain yang tidak mempunyai kilang sendiri sekali gus menyebabkan mereka meletakkan harga emas agak tinggi berbanding Makmur Gold.

Apa yang lebih meyakinkan pelabur dan orang ramai apabila kilang pertukangan emas ini mempunyai tukang emas yang pakar dan berpengalaman dalam mengendalikan emas. Secara tidak langsung,

pembuatan emas dapat diproses dengan lebih cepat, penghasilan emas yang bermutu dan dapat menawarkan harga emas dengan lebih murah.

Hanya dengan RM1,000, sesiapa sahaja boleh menjadi ahli Ko-Makmur dan layak untuk berurus niaga emas bersama Makmur Gold.

Ketua Pegawai Eksekutif Makmur Gold, **Mohd Faizuddin Che Mahmood** berkata dengan kelebihan yang ada, pihaknya menawarkan peluang keemasan ini kepada masyarakat untuk turut serta berurus niaga.

"Dengan adanya kilang emas sendiri, ini memberi kelebihan kepada Makmur Gold untuk mempelbagaikan bentuk perniagaan yang dijalankan. Banyak bisnes berkaitan emas yang kami boleh tawarkan.

"Dalam masa yang sama, misi kami bukan hanya keuntungan semata-mata tetapi turut memberi peluang kepada masyarakat untuk menjana pendapatan iaitu urus niaga

emas bersama Makmur Gold.

"Itulah antara usaha yang menunjukkan keprihatinan kami memandangkan situasi ekonomi sekarang yang agak membebankan rakyat," katanya.

Antara peluang yang ditawarkan, Makmur Gold bersedia membeli emas terpakai atau emas *scrap* dengan harga tertinggi dalam pasaran.

"Jika ada siapa-siapa yang ingin menjual emas terpakai, kami akan beli emas itu pada harga tertinggi mengikut kadar semasa dalam pasaran. Walaupun ia emas terpakai, kami tidak beli dengan harga rendah.

"Kebiasaannya mereka yang menjual emas ini mahu guna duit, jadi kami beri nilai tunai pada harga tertinggi.

"Kami menerima semua jenis emas terpakai termasuklah suasa. Emas terpakai ini kami akan lebur dan menghasilkan emas rekaan baharu untuk dijual," ujarnya yang berharap masyarakat manfaatkan peluang ini untuk masa depan yang lebih cerah.

## TUKAR EMAS TERPAKAI

BUKAN hanya menjual emas terpakai, orang ramai juga boleh tukar ke emas baharu di Makmur Gold.

Faizuddin juga melihat cara ini boleh membantu



masyarakat yang mahukan wang tunai.

"Tidak dinafikan ada juga yang mahu tukar emas yang mereka ada.

"Misalnya, mereka yang ada gelang emas 10 gram tetapi mahu dapatkan yang 15 gram atau lebih berat, boleh tukar dengan kami dan tambah duit setelah tolak gelang asal.

"Namun jika mereka ada gelang emas 10 gram tetapi mahukan emas lima gram, di situ berlakunya lebihan duit. Jadi, kami akan kembalikan semula bakinya dalam bentuk tunai. Duit itu boleh digunakan untuk perbelanjaan harian," jelasnya.

Selain itu, Makmur Gold juga

turut menjual emas terpakai yang sememangnya menepati cita rasa pelanggan.

"Misalnya, ada orang beli emas lima bulan lepas, kemudian ingin menjualnya kerana mahu pakai duit. Dalam masa yang sama emas itu masih dalam keadaan elok.

"Kami akan beli dengan harga tertinggi dan menghantar cuci terlebih dahulu di kilang. Kemudian kami akan jual balik. Itulah dinamakan emas terpakai.

"Senang cerita seperti orang jual buju *bundle*. Semuanya masih elok dan telah dibersihkan sebelum dijual semula," ujarnya. **WK**



MOHD FAIZUDDIN (empat dari kanan) di hadapan kilang emas Makmur Gold.

## Patuh syariah, emas murah, percuma upah

**KELEBIHAN** mempunyai kilang emas sendiri membolehkan Makmur Gold memenuhi kriteria slogan emas murah, percuma upah dan patuh syariah.

Bukan itu sahaja, Makmur Gold kini mempunyai 12 cawangan di seluruh Malaysia dan menasarkan 30 cawangan dalam masa lima tahun.

Faizuddin berkata ketiga-tiga slogan ini menjadikan Makmur Gold sentiasa menjadi pilihan nombor satu masyarakat.

"Emas murah itu merujuk kepada

harga emas yang kami tawarkan adalah lebih murah berbanding kedai emas lain. Jika dilihat, taruhan sebegini tiada di tempat lain.

"Begini juga dengan upah percuma yang kami tawarkan. Kami buat emas menggunakan kilang emas sendiri dan bukannya 'mengimport' emas dari kilang lain. Semuanya kami lakukan sendiri. Jadi tidak timbul soal percuma upah."

"Berkenaan patuh syariah, Makmur Gold menerima sijil berkenaan daripada Angkatan

Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Ini bermakna Makmur Gold telah diiktiraf sebagai syarikat yang menjalankan perniagaan emas secara patuh syariah," tambahnya lagi.

Orang ramai digalakkan berkunjung ke kedai emas Makmur Gold di Presint 15, Putrajaya. Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi di talian **09-513 0640** atau layari *Instagram @makmurgoldofficial* dan laman sesawang [www.makmurgold.my](http://www.makmurgold.my).

**WK**

**PUTRAJAYA**

PELUANG ISTIMEWA KEPADA ANDA UNTUK BERSAMA KAMI DALAM URUSNIAGA EMAS.

- ✓ EMAS MURAH
- ✓ FREE UPAH
- ✓ PATUH SYARIAH

72, JALAN PERAK P15, PRESINT DIPLOMATIK,  
62050 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

Makmur GOLD Putrajaya 018 3595072



Makmur GOLD Putrajaya



018 3595072



mgputrajaya

# MASAC kaji percubaan klinikal, rawat ketagihan penyalahgunaan dadah

DR FARHANA SABRI

**S**ETIAP tahun, lebih daripada empat ribu rakyat Malaysia dikesan mempunyai masalah penyalahgunaan dadah jenis heroin dan hampir separuh daripadanya mempunyai sejarah pengambilan dadah jenis methamphetamine.

Keadaan ini juga berlaku di Amerika Syarikat di mana terdapat tiga juta rakyat Amerika telah dikenal pasti mempunyai masalah penyalahgunaan dadah jenis heroin dan separuh daripadanya juga menyalahguna dadah jenis methamphetamine.

Di Pusat Kajian Bahan Psikoaktif, Universiti Wisconsin - Madison School of Pharmacy menemukan penemuan terbaharu tentang keberkesanan dadah jenis psilocybin dalam rawatan masalah kemurungan dan ketagihan alkohol.

Kajian mereka juga menemukan hasil yang memberangsangkan terhadap golongan individu yang mempunyai masalah penyalahgunaan dadah jenis opiat.

Pengguna dadah juga mempunyai risiko yang tinggi untuk mengalami masalah mental di mana keadaan ini dikenali sebagai *co-occurring disorder*.

Kajian ini turut menemukan dadah jenis psychedelic yang mana ia dibuktikan boleh membantu pengguna dadah untuk mendapat kawalan diri dan meningkatkan celik akal sekali gus memperbaiki kualiti hidup.

Manakala di Australia, kerajaan mereka sudah mula membenarkan penggunaan dadah methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dan psilocybin (lebih dikenali dengan nama ecstasy dan mushroom) untuk merawat kemurungan dan masalah trauma.

Ahli psikiatri di Australia dibenarkan membuat preskripsi dua bahan tersebut bermula Julai



DADAH jenis opiat.



DADAH jenis methamphetamine.

2023. Walau bagaimanapun, dua bahan tersebut masih dikira bahan terlarang dan penggunaannya adalah untuk rawatan di bawah arahan doktor pakar sahaja.

Sudah tiba masanya Malaysia melalui agensi dan kementerian berkaitan untuk mula melihat keberkesanan kaedah rawatan moden ini agar kita lebih bersedia untuk menghadapi perubahan rawatan dalam landskap rawatan dan pemulihian dadah di Malaysia.

Alternatif rawatan dadah jenis psychedelic untuk percubaan klinikal di Malaysia dalam usaha menyediakan rawatan dan pemulihian penyalahgunaan dadah dan kesihatan mental yang terbaik boleh mula dibincangkan dan dilaksanakan sekiranya sesuai.

Penemuan terbaru dalam bidang penyalahgunaan dadah ini memberi satu lagi cabaran baru kepada penyedia rawatan dadah terutama kaunselor penagihan, ahli psikiatri dan pegawai pemulihian dadah tentang bagaimana menggabungkan kesan farmakologi dadah psychedelic ini di dalam konseptual kes dan rancangan

**“Keadaan ini juga berlaku di Amerika Syarikat di mana terdapat tiga juta rakyat Amerika telah dikenal pasti mempunyai masalah penyalahgunaan dadah jenis heroin dan separuh daripadanya juga menyalahguna dadah jenis methamphetamine.”**

rawatan pengguna dadah.

Ini mungkin jawapan kepada intervensi psikoterapi apakah yang sesuai untuk pengguna dadah yang menerima rawatan MDMA dan psilocybin supaya kualiti hidup mereka dapat dipelihara.

Selain itu, kursus khusus berkaitan MDMA dan psilocybin juga perlu dimasukkan ke dalam kurikulum latihan kepakaran kaunseling penagihan supaya ilmu yang belajar di dalam kuliah

alah terkini selaras dengan peredaran dunia.

Majlis Penyalahgunaan Bahan Malaysia / Malaysian Substance Abuse Council (MASAC) turut mempelawa lebih banyak badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjadi ahli gabungan MASAC bagi menambah lagi percambahan minda tentang isu penyalahgunaan bahan terlarang di Malaysia agar lebih idea dan maklumat dapat digabungkan bersama dalam membantu negara.

**PENULIS merupakan Felo Penyelidik MASAC.**



DR ADELINA ASMAWI

**S**EBELUM ini rakyat dikejutkan dengan berita samun wang bantuan awal persekolahan di Selangor. Kemudian tular gambar-gambar guru dan murid di media sosial dengan wang setebal kamus ditunjukkan di atas meja, di kereta dan merata tempat lagi dengan pelbagai *hashtag* mengundang tanda tanya apa sebenarnya tujuan lemparan kemas kini di media tersebut.

Literasi media sosial adalah pengenalan, penerapan dan penggunaan secara produktif sesuatu teknologi media sosial dalam sesuatu ketetapan. Ia melibatkan hubung kait dalam literasi media sosial bagi perhatian, penyertaan, kerjasama, kesedaran rangkaian dan penggunaan kritikal.

Apabila sesuatu perkara dikemaskini dan dikongsi di ruang media sosial tanpa memikirkan kesan, kesedaran bahawa perkara itu berangkai di alam maya dan tanpa kerjasama oleh semua

## Literasi media sosial: Awasi bayang-bayang digital kita



pihak dalam melindungi perkara tersebut, terjadilah salah guna dan cabaran keselamatan siber yang kini berleluasa dalam kalangan rakyat Malaysia.

Gambar-gambar anak kecil dan murid yang dikongsi tanpa kebenaran ibu bapa juga secara am telah menjadi lumrah alam maya bagi rakyat Malaysia tanpa ada rasa

tanggungjawab sosial yang jelas dan ini amat membimbangkan kerana seperti yang telah dinyatakan tadi, apa saja yang dikemaskini dan dikongsi di ruang media sosial adalah berangkai, menarik perhatian ramai dan boleh melibatkan tindakan diambil oleh pihak tidak bertanggungjawab walaupun tujuan asal perkongsian

mungkin adalah murni. Contohnya #kerajaanperpaduan dan sebagainya.

Berbalik kepada kes samun wang bantuan awal persekolahan, apabila ramai mula mengemas kini media sosial dengan wang setebal 10 inci ini pada suatu masa dan hari yang sama, penyamun secara langsung diberi maklumat secara percuma bahawa terdapat jumlah besar wang yang sedang digerakkan dari bank ke sekolah atau ke tempat-tempat lain. Mereka mungkin memerhati di bank-bank berkenaan ataupun mengikut pihak tertentu dari sekolah. Amat mudah untuk menyamun apabila nama sekolah tertera di media sosial dan juga apabila ada pihak sekolah yang berhenti sekejap untuk minum dan sebagainya berdekatan kawasan sekolah.

Ingin ditekankan bahawa literasi media sosial ini perlu diterapkan dalam masyarakat bukan hanya bagi kes wang bantuan persekolahan

tersebut tetapi bagi semua rakyat Malaysia dalam kehidupan sehari-hari. Hormatilah hak perlindungan maklumat privasi individu secara khasnya dan dekati prinsip akses terbuka dan undang-undang pengendalian maklumat secara amnya supaya kita celik dalam penggunaan media sosial dan tidak mudah tersalah guna platform tersebut.

Ingat bahawa ada yang memerhati dan ada yang berniat jahat meskipun apa yang dikongsi tidak berbaur negatif. Jagalah penggunaan sebaik mungkin. Apa yang dikemaskini akan meninggalkan jejak kaki digital atau bayang-bayang digital yang boleh menghantui kehidupan sehari-hari di masa hadapan.

**PENULIS merupakan Ketua, Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di adelina@um.edu.my.**

# Jangan biarkan beruang matahari pupus



DR HASMAH ZAITI OMAR

**B**ERUANG matahari atau nama saintifiknya, Helarctos malayanus merupakan spesies beruang yang tinggal di kawasan hutan tropika di benua Asia Tenggara. Memiliki ketinggian sekitar 110-140 sentimeter dan berat 27-70 kilogram, spesies ini merupakan beruang terkecil di dunia. Beruang ini merupakan antara salah satu spesies mamalia besar yang paling kurang mendapat perhatian di benua Asia Tenggara. Oleh hal yang demikian, tidak hairan kurang maklumat disebarluaskan mengenai kewujudan haiwan unik ini.

Kini malangnya, haiwan ini dikategorikan sebagai *vulnerable* di dalam IUCN Red List yang bermaksud mempunyai risiko yang tinggi untuk pupus dan populasinya juga semakin berkurangan antara 30 peratus hingga 50 peratus dalam tempoh 30 tahun. Haiwan omnivor ini gemar memakan buah-buahan, akar-akar kayu, serangga, mamalia kecil dan burung.

Beruang matahari juga digelar sebagai beruang madu oleh penduduk tempatan kerana sikapnya yang gemar menikmati madu lebah menggunakan lidahnya yang panjang. Jangka hayat beruang matahari tidak dapat direkodkan dengan tepat. Namun begitu, berdasarkan anggaran daripada kajian yang pernah dijalankan jangka hayat haiwan ini adalah sekitar 10 tahun di persekitaran semula jadi. Jangka hayat beruang matahari di dalam kurungan pula boleh mencecah sehingga 36 tahun. Satu kelebihan beruang matahari adalah ia merupakan haiwan bijak dan mempunyai sifat ingin tahu yang



tinggi.

Populasi beruang matahari semakin berkurangan hari demi hari kerana tindakan manusia yang mementingkan diri sendiri. Di Malaysia, mamalia ini kehilangan habitat akibat daripada pembukaan hutan secara berleluasa yang menyebabkan fragmentasi berlaku. Pada zaman sekarang, semakin banyak hutan ditebang untuk tujuan penanaman kelapa sawit menyebabkan banyak haiwan kehilangan habitat asal.

Selain itu, pembalakan haram dan kebakaran hutan juga menjadi ancaman kepada beruang matahari untuk mengekalkan kemandirian spesies. Mamalia besar ini juga kehilangan sumber makanan dan tempat tinggal. Terdapat kes di mana beruang matahari sesat dan memasuki kawasan petempatan manusia untuk mencari makanan. Hal ini menyebabkan penduduk berasa tidak selamat malah keadaan menjadi lebih buruk apabila mereka memilih untuk membunuh beruang yang mengganggu kawasan mereka berbanding menghubungi pihak berkuasa untuk menangkapnya.

Beruang yang bersifat agresif ini juga dibunuh oleh pengusaha ladang untuk mengelakkan tanaman mereka rosak akibat dimakan oleh haiwan tersebut. Pernah juga dilaporkan beruang matahari terbunuh akibat dilanggar oleh kenderaan di jalan raya.

Selain itu, populasi beruang matahari juga semakin terancam kerana pemburuan haram. Beruang ini diburu untuk tujuan mendapatkan hemedu dan tapak kakinya. Di negara Cina contohnya, pengamal perubatan tradisional percaya bahawa hemedu beruang mampu menyembuhkan penyakit jantung. Hal ini menyebabkan permintaan dan harga hemedu beruang mendapat permintaan tinggi. Namun, kesahihan mengenai perkara ini masih belum terbukti. Keadaan menjadi lebih tragis apabila beruang yang dibela adalah bertujuan mendapatkan organ dalam untuk dijual di pasaran gelap. Selain itu, tapak kaki beruang pula dijadikan makanan eksotik oleh penduduk dari beberapa buah negara.

Lebih mengejutkan lagi,

terdapat manusia yang menjadikan anak beruang sebagai haiwan peliharaan sehingga sanggup membunuh ibunya. Apabila anak beruang mula membesar, barulah pemilik sedar akan bahaya yang menanti dan menyebabkan beruang dikurung dalam sangkar yang tidak bersesuaian. Apabila dikurung di dalam kurungan yang tidak bersesuaian, mereka akan berasa mengalami tekanan kerana ruang yang sempit dan tidak dapat melakukan aktiviti liar seperti memanjat dan memburu makanan. Kajian yang dijalankan oleh Pensyarah Universiti Teknologi Mara cawangan Sabah, Dr Siti Sarayati Abdul Mawah merekodkan bahawa beruang matahari yang dibela di dalam kurungan menunjukkan tahap stres yang lebih tinggi berbanding beruang liar.

Berdasarkan ancaman-ancaman yang dihadapi oleh beruang matahari, tidak hairanlah mengapa spesies ini dikategorikan sebagai kumpulan haiwan terancam. Antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengawal populasi haiwan ini daripada pupus adalah dengan memberi sumbangan kepakaran dalam bidang penyelidikan kepada Pusat Konservasi Beruang Matahari agar program konservasi haiwan liar ini terus beroperasi dengan baik. Selain itu, sebagai manusia yang mempunyai sifat perikemanusiaan, kita hendaklah membanteras dengan tidak menyokong pengambilan dan penggunaan organ haiwan liar serta tidak memeliharanya sebagai haiwan peliharaan. Kita sebagai masyarakat perlulah melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mengetahui tentang aktiviti yang mencurigakan ini.

Seperti mana yang kita ketahui, terdapat beberapa haiwan liar seperti harimau belang, tenggiling, ungka, seladang dan lain-lain kini

**“Populasi beruang matahari semakin berkurangan hari demi hari kerana tindakan manusia yang mementingkan diri sendiri. Di Malaysia, mamalia ini kehilangan habitat akibat daripada pembukaan hutan secara berleluasa yang menyebabkan fragmentasi berlaku. Pada zaman sekarang, semakin banyak hutan ditebang untuk tujuan penanaman kelapa sawit menyebabkan banyak haiwan kehilangan habitat asal.”**

dikategorikan spesies terancam dan pelbagai usaha kian aktif dilakukan untuk memastikan populasi mereka terus dipelihara dan dipulihara. Usaha untuk mengekalkan populasi beruang matahari masih berada di tahap yang rendah dan seakan-akan tidak dipedulikan oleh masyarakat.

Adakah kemungkinan beruang matahari bakal melalui situasi yang sama berlaku pada badak sumbu Sumatera?

Kesimpulannya, ‘tupuk dada tanyalah selera’. Semua usaha adalah tanggungjawab bersama demi menjaga peninggalan khazanah untuk generasi di masa hadapan.

**PENULIS adalah dari Program Ekologi Biodiversiti, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di zaiti\_1978@um.edu.my.**

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
RM7,500



HALF PAGE  
RM5,500



QUARTER PAGE  
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]  
RM4,500

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER  
1080px X 96px  
RM2,500

MIDDLE BANNER  
1080px X 280px  
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR  
350px X 280px  
RM1,500

HALF PAGE  
350px X 500px  
RM1,000

**50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLY HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

MEDIA WARGA KOTA  
**Wilayah Ku**



# Dataran Labuan 2.3 juta, tampil imej baharu



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**D**ATARAN Labuan yang terletak di bandar utama Pulau Bebas Cukai kini telah siap sepenuhnya selepas projek naik taraf bermilai RM2.3 juta itu mulai dibuka kepada warga wilayah

dengan berwajah baharu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Rithuan Mohd Ismail** berkata projek naik taraf dataran sejak 2021 itu melibatkan kerja-kerja naik taraf permukaan lantai, pencahayaan di Monumen Chimney dan landskap.

Kata beliau, pihaknya juga akan menaik taraf semula bangunan astaka di dataran itu dan pancutan air dalam waktu terdekat bergantung kepada peruntukan yang ada.

“Dengan siapnya projek naik taraf Dataran Labuan ini, kita telah pun mula buka kepada orang awam bermula Khamis (9 Mac) dan saya berharap pengunjung khususnya warga pulau ini menghargai dan memanfaatkan kemudahan sedia ada,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan ke Dataran Labuan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rithuan turut menegaskan kepada orang awam agar tidak melakukan sebarang

aktiviti vandalism yang akan mencacatkan keindahan kawasan itu dan menimbulkan kesulitan kepada banyak pihak termasuklah warga di pulau ini.

“Kita harus bersama-sama menjaga dataran ini sebagai salah satu tempat beriadah khususnya pada hujung minggu dan sekali gus dapat menjaga imej Labuan yang bersih dan indah.

Rithuan turut memaklumkan pihaknya akan mempertimbangkan

penyediaan kemudahan tambahan lain seperti surau dan tempat berwuduk kepada pengunjung menjelang bulan Ramadan tidak lama lagi.

“Seperti kita sedia maklum, dataran ini merupakan kawasan pilihan warga di pulau ini bagi berbuka puasa bersama keluarga setiap kali bulan Ramadan. Oleh itu, kita akan mempertimbangkan kemudahan tambahan itu bagi memudahkan orang awam,” katanya lagi. **WK**

## PL pandang serius peningkatan kes denggi di dua lokaliti SPMP

**P**ERBADANAN Labuan (PL) sentiasa memandang serius mengenai isu peningkatan kes denggi di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) lokaliti Muslim dan Kiansam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata Pihak Berkusa Tempatan (PBT) Labuan sentiasa cakna dan memandang serius mengenai isu tersebut kerana ia boleh menjaskan nama dan imej Wilayah Persekutuan itu jika ianya tidak dikawal.

Katanya pelbagai agensi termasuk Jabatan Kesihatan perlu bekerjasama untuk mengekang isu tersebut.

“Salah satunya kita mengambil langkah untuk mengadakan program gotong-royong dengan penduduk kawasan yang terlibat bagi memupuk sifat tanggungjawab.

“Kita juga telah mengadakan mesyuarat khas bersama pelbagai agensi terlibat untuk membincangkan jalan penyelesaian khususnya isu pembuangan sampah yang tidak teratur,” katanya ketika ditemui pemberita baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rithuan menegaskan penduduk di kawasan berkenaan perlu mempunyai sifat bertanggungjawab dan sentiasa membudayakan kebersihan di kawasan mereka agar perkara tersebut tidak berulang pada masa akan datang.

“Penduduk di kawasan terlibat perlu diberikan pendedahan mengenai budaya kebersihan agar isu seperti ini dapat dikekang sekali gus mampu menjaga nama dan imej Labuan,” katanya. **WK**



## Balai bomba baharu di Kiansam bakal dibina tahun depan

**C**DANGAN bagi pembinaan balai bomba baharu di lokaliti Kiansam di sini dibuat berdasarkan keperluan dan kepadatan penduduk di kawasan tersebut.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan, **Abd Rahman Ali** berkata dengan adanya balai baharu itu bukan sahaja memberikan respons secara pantas jika berlakunya sebarang kecemasan.

“Cadangan akan dilaksanakan bermula pada tahun hadapan bagi pertambahan balai bomba di kawasan Kiansam dan perkara itu bergantung kepada peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perbarisan Tahunan JBPM 2023 peringkat Labuan di Ibu Pejabat JBPM Labuan, Ranch-

Ranch, baru-baru ini.


Pada majlis itu, Abd Rahman turut berkesempatan menyampaikan sijil penghargaan kepada agensi kerajaan, swasta dan petugas media.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata pihaknya akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam menyebarluaskan khidmat kebombaan melalui kempen kesedaran awam mengenai kebakaran dan sebagainya.

“Kami di pihak JBPM menghargai kerjasama daripada agensi kerajaan dan swasta termasuklah pihak wartawan yang sentiasa menyalurkan maklumat kesedaran awam kepada masyarakat,” ujarnya yang mengharapkan kerjasama ini akan terus terjalin pada masa akan datang. **WK**



## PERADUAN MEWARNA PM204



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

## CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM204".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **25 MAC 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 206.

**3** PENYERTAAN TERBAIK PADA  
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA  
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA  
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 202

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM202:

RAFAN WILDAN AHMAD FAIRUZ  
(10 tahun)  
Wangsa Maju, Kuala Lumpur


AMEERA ASYIKEEN ABDUL GHANI  
(11 tahun)  
Kajang, Selangor

MUHAMMAD ADAM HAYRI MUSTAFA  
(7 tahun)  
Presint 18, Putrajaya



Karya Adik Rafan Wildan

## TEKA SILANG KATA SK204



## MELINTANG

1. Berkuasa/berpengaruh
5. Sejenis penyakit
6. Bangsa
7. Pasangan Dara
8. Serpihan api
9. Perbuatan jahat

## KE BAWAH

1. Hantu masyarakat Barat
2. Putik kelapa
3. Sebuah lagu Siti Nurhaliza
4. Bersedih hati

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

## CARA MENYERTAI:


1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK204".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **25 MAC 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 206.

**3** PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL  
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA  
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA  
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.  
E-melkan kepada: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK202:

MOHAMAD AZRUL MAT ARIS  
(45 tahun)  
Taman Sri Keramat, Kuala Lumpur

SAZRIL HISHAM ABDUL SALAM  
(34 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan

SITI NURBAYA MAJID  
(48 tahun)  
Shah Alam, Selangor



# Dataran Labuan kini lokasi liburan popular



FOTO: PERBADANAN LABUAN  
**KHAIRUL IDIN**

**S**UASANA suram dan sepi di Dataran Labuan yang merupakan antara taman rekreasi tertua di bandar utama Pulau Bebas Cukai itu kini tampil dengan wajah baharu selain bakal menjadi tarikan pelancongan selepas penyiapan projek menaik taraf infrastruktur bernilai RM2.3 juta baru-baru ini.

Projek naik taraf yang telah dikenalkan oleh Perbadanan Labuan (PL) sejak 2021 itu tampak memberi nafas baharu dengan menawarkan pelbagai penambahbaikan infrastruktur termasuk pencahayaan berwarna-warni di Monumen Chimney, permukaan lantai dan juga landskap buat para pengunjung.

Dengan imej baharu yang lebih

ceria, para pengunjung bukan sahaja dapat menikmati pencahayaan lampu di sebelah malam malah mereka juga boleh melakukan aktiviti ria-ria seperti jogging dan sebagainya bersama keluarga atau rakan.

Hasil tinjauan *Wilayahku*, sejak ia mula dibuka semula baru-baru ini warga Labuan tanpa mengira usia dan kaum tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke tamani rekreasi tersebut pada hujung minggu.

Menurut seorang pengunjung, **Mat Hairi Salleh**, 37, pembukaan semula dataran ini merupakan saat yang dinanti-nantikannya sejak ia mula dinaik taraf pada dua tahun lalu.

Tambah Mat Hairi, tempat tersebut berbaloi untuk dikunjungi para pengunjung kerana pelbagai kemudahan telah disediakan selain dilengkapi



**ZULKIFLI**



**MAT HAIRI**



**SHAKIRA**

dengan pemandangan landskap yang indah.

“Perubahan yang pihak PL lakukan terhadap taman rekreasi ini adalah amat berbaloi kerana kini Labuan mempunyai dataran yang indah sama seperti di tempat lain.

“Amat sesuai untuk membawa keluarga beriadah di sini dengan landskap baharu sambil dapat menikmati pencahayaan lampu yang menarik. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak terlibat kerana menaik taraf kawasan ini dengan cukup baik,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Manakala bagi **Shakira Zainal**, 27, pembukaan semula Dataran Labuan itu membuatkan dia dan rakan-rakan berasa teruja dengan perbezaan yang amat ketara berbanding sebelum ini.

“Kalau sebelum ini Dataran Labuan hanya dikenali sebagai tempat penganjuran acara besar seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan ketika itu fasiliti di sini tidak sesuai untuk dijadikan sebagai lokasi beriadah bersama keluarga.

“Jujur saya berpuas hati dengan perubahannya di mana landskap serta lampu yang menghiasi taman ini sememangnya membuat kami terpungut dan juga boleh dijadikan sebagai lokasi bergambar.

“Selepas ini kami akan jadikan Dataran Labuan sebagai salah satu lokasi wajib dikunjungi pada hujung minggu untuk bersantai sambil menghirup udara segar,” ujarnya yang teruja dengan perubahan taman

rekreasi tersebut.

Sementara itu, **Zulkifli Gudang**, 44, menyifatkan perubahan wajah baharu Dataran Labuan merupakan satu usaha yang bernalas kerana dapat menaikkan imej Labuan sebagai sebuah pulau yang maju kepada pelancong luar.

“Dahulunya Dataran Labuan menjadi tumpuan penduduk mahupun pelancong luar tetapi apabila sudah lama terbiar ia menjadikan tempat ini usang dan orang ramai mula tidak menghiraukan taman ini.

“Projek naik taraf ini secara tidak langsung menjadikan Dataran Labuan kembali menjadi tumpuan warga di pulau ini seperti masa dahulu,” ujarnya yang turut mengharapkan para pengunjung untuk bersama-sama menjaga keindahan taman tersebut agar dapat memberi manfaat kepada orang ramai serta menjadikannya sebagai destinasi pelancongan popular. **WK**

INFO
Dibuka setiap hari (Isnin-Ahad) 6 petang hingga 12 tengah malam



SEKITAR pemandangan di Dataran Labuan yang telah dinaik taraf dan dihiasi hiasan lampu di sebelah malam.





Ingin terus pertahan seni Nusantara Melayu

# Ain Najwa idam cipta pelbagai kejayaan

SABRINA SABRE

**A**TLET silat Wilayah Persekutuan, Ain Najwa Muhamad Basri Darul, mahu lebih ramai masyarakat Malaysia mahir dalam seni bela diri yang juga merupakan warisan turun temurun.

Menurut atlet berusia 24 tahun itu, rugi seandainya mereka tidak mendalamai seni Nusantara Melayu yang semakin popular dalam kalangan warga asing kini.

"Rugi sekiranya seni mempertahankan diri yang dikatakan telah wujud ribuan tahun dahulu di tanah Melayu ini tidak dipelajari dan seterusnya gagal melahirkan pelapis muda yang memperjuangkannya."

"Jika diikutkan semua orang perlu mempelajarinya kerana ia bukan sahaja sekadar untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh bahkan silat mampu menjadikan diri berani di samping meningkatkan keyakinan."

"Saya akan terus memperjuangkannya dan mencipta lebih banyak kejayaan untuk membuktikan



AKSI Ain Najwa ketika SUKMA XX MSN 2022.

kan keunggulan legasi Melayu ini. Diharapkan bukan sahaja di Malaysia bahkan silat akan terus bersinar di mata dunia," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang keberjayaannya terhadap silat, menurut atlet dalam kategori tunggal puteri ini, dia mula bergiat aktif pada ta-

hun 2012 yang mana ketika itu dia mendapat sokongan padu daripada seluruh keluarga untuk lebih serius.

"Dengan keizinan tersebut juga saya mampu berada di tahap ini. Ternyata restu ibu bapa membawa kepada kejayaan," ujar anak keempat daripada lima orang adik-beradik ini. Menjadikan guru dan jurula-

tihnya, Halim Hamit sebagai idola, bekas pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Ampang, Selangor itu berkata dia beruntung kerana dapat berlatih dan mencungkil ilmu bersama bekas atlet tersebut.

"Kata orang, kalau kita mahu menjadi juara perlu berguru dengan

## Pencapaian Ain Najwa

2022 – Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN – Emas

2022 – 6th Asian Pencak Silat Championship – Tempat Kedua

2019 – Karnival Sukan Wilayah Persekutuan – Emas

2019 – The 2nd Open International Silat Championship – Tempat Kedua

juara, jadi saya gunakan kesempatan tersebut dengan sebaiknya. Beliau banyak memberi nasihat supaya saya bermain dengan tenang dan tidak terburu-buru agar tidak gentar di gelanggang.

"Sukan silat sebenarnya nampak macam mudah namun tanpa kekuatan mental seseorang pemain tersebut tidak mampu beraksi dengan cemerlang," ujarnya seseorang atlet juga tidak akan terlepas daripada risiko kecederaan namun mereka perlu sentiasa bersedia daripada segi mental walaupun dibelenggu kecederaan ringan mahupun serius. **WK**

# Malaysia bakal hantar 677 atlet ke Sukan SEA Kemboja 2023

MALAYSIA bakal menghantar 677 atlet (403 lelaki, 274 wanita) dan 237 pegawai ke Sukan SEA ke-32 di Phnom Penh, Kemboja bermula 5 hingga 17 Mei ini.

Daripada jumlah itu, 390 atlet adalah di bawah Kategori A (kos ditanggung sepenuhnya) manakala 287 dalam Kategori B (kos ditanggung persatuan dan dipulangkan jika menang pingat) dengan menyaksikan olahraga menjadi kem terbesar dengan penyertaan 65 atlet (34 Kategori A dan 31 Kategori B).

Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata berlaku peningkatan dalam penyertaan kali ini kerana pihaknya mahu memberi peluang kepada lebih banyak atlet muda dan pelapis sebagai pendekaran untuk Sukan SEA 2025 di Thailand dan 2027 di Malaysia.

"Kita berharap kebenaran yang diberikan dan pemilihan ini jangan dipersia-siakan kerana Sukan SEA menjadi medan pengenalan ke sukan antarabangsa sebelum



mengintai peluang ke Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Peluang ini harus direbut.

"Majoriti atlet akan beraksi dalam sukan berpasukan seperti bola sepak (40 atlet), hoki (60), badminton (20) dan floorball (40)," katanya pada sidang media selepas majlis pengumuman kontinjen dan penyerahan watakah pelantikan kepada atlet dan pegawai ke Sukan SEA Kemboja baru-baru ini.

Temasya kali ini bakal menjadi penyertaan ketiga terbesar kontinjen Malaysia di luar negara dari segi saiz atlet selepas edisi 2007 Korat, Thailand yang disertai oleh 820 atlet dan edisi 2019 Filipina disertai oleh 772 atlet.

Saiz kontinjen terbesar Malaysia dalam sejarah Sukan SEA adalah pada edisi 2017 Kuala Lumpur yang diwakili oleh 845 atlet dan 294 pegawai manakala edisi lepas di Hanoi menyaksikan 584 atlet dan 272 pegawai mewakili negara.

Sementara itu, Mohamad Norza turut mencabar Ketua Kontinjen (CDM), Datuk Mohd Nasir Ali

untuk mencatatkan pencapaian lebih baik berbanding ketika beliau menjadi CDM temasya Singapura 2015 yang merupakan antara pencapaian terbaik Malaysia di luar negara.

Beliau berkata temasya kali ini bakal menjadi indikasi sebenar tahap atlet Malaysia pasca pandemik COVID-19, selepas kebanyakan kejohanan antarabangsa ditangguh atau dibatalkan sejak awal 2020 hingga awal tahun lepas.

Kontinjen negara berjaya menuai 62 emas, 58 perak dan 66 gangsa untuk berada di kedudukan keempat keseluruhan ketika itu, berbanding pencapaian di kedudukan keenam dengan 39 emas, 45 perak dan 90 gangsa di Hanoi, tahun lepas.

Mohd Nasir berkata pihaknya mahu menjadikan temasya kali ini sebagai kesinambungan dari edisi Hanoi yang dianjurkan pada Mei lepas (2022) dalam memperbaiki pencapaian pingat dan kedudukan keseluruhan.

"Kita juga kehilangan beberapa pingat apabila acara yang berpotensi dalam sukan seperti bina badan, terjun, muay thai dan gimnastik sama ada tidak dipertandingkan atau dikurangkan acara pada kali ini," katanya. **BERNAMA**

# Juara dunia wushu teruja tampil debut Sukan SEA

MENGIKUT kebiasaanannya, seorang atlet akan memulakan karier antarabangsa menerusi temasya Sukan SEA sebelum beraksi di peringkat lebih tinggi seperti Sukan Asia dan Kejohanan Dunia.

Namun, ia bukan laluan bagi Olahragawati Kebangsaan 2019/2020, **Tan Cheong Min**.

Atlet wushu berusia 24 tahun itu sudah terlebih dahulu muncul juara dunia dan beraksi di Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018, namun hanya akan membuat penampilan pertama Sukan SEA di Kemboja bermula 5 hingga 17 Mei ini.

Ia berikutan acaranya tidak dipertandingkan dalam edisi 2019 di Filipina dan Vietnam pada 2021.

Cheong Min yang menjadi atlet wushu pertama yang dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan, akan beraksi dalam acara Nanquan/Nangun dan Nandao individu serta Duilian berpasukan pada temasya kali ini.



"Akhirnya saya dapat mewakili negara ke Sukan SEA untuk melengkapkan penyertaan dalam semua peringkat."

"Sudah pastinya cabaran sangat akan hadir daripada peserta Indonesia, Vietnam dan Myanmar. Namun, yang paling penting adalah berjuang dengan diri sendiri kerana walaupun ada skill hebat, tapi kalau mental tak bagus ketika pertandingan, tak guna juga."

"Buat masa ini, persiapan sudah capai 80 peratus, mungkin selepas latihan di China, akan capai 100 peratus. Sukan SEA ini sebenarnya lebih kepada kejohanan pemanas badan untuk pemilihan ke Sukan Asia nanti," katanya.

Skuad wushu negara dijadual menyertai latihan selama sebulan di China sebagai persiapan untuk Sukan SEA, diikuti Sukan Asia Hangzhou 2022 yang ditunda setahun dari 23 September hingga 8 Oktober tahun ini. **- BERNAMA**

Ain Najwa idam cipta pelbagai kejayaan

► 23

## 15,000 alun selawat dalam hujan lebat

**K**IRA-KIRA 15,000 umat Islam terus bersemangat mengalunkan selawat dan mendengar tazkirah bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meskipun hujan lebat membasahi sekitar kawasan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada Sabtu.

Majlis yang dimulakan dengan solat maghrib berjemaah dipimpin Imam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sheikh Abdul Karim Omar Al-Makki disusuli program selawat dan qasidah oleh Syabab El-Mustofawiyah yang menjadi johan festival qasidah tahun 2022.

Program berkenaan turut menampilkan tokoh agama antaranya johan qari antarabangsa, Amirahman Abbas dan Sheikh



ANWAR (tengah) sedang memimpin bacaan selawat Nuril Anwar ketika Majlis Selawat dan Munajat Perdana Untuk Malaysia Sabtu lalu.

Razak al-Masri yang akan bersama-sama mengalunkan selawat dan dianjurkan Pertubuhan Dai Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyarankan agar majlis selawat dan munajat sentiasa di terapkan di seluruh negara bagi meningkatkan ilmu dan kefahaman mengenai Islam.

Selain itu, beliau berkata ia selari dengan konsep Madani, perpaduan perlu dimanfaatkan secara bersama demi mengangkat martabat 'karamah insaniah' (menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia).

Jelas Anwar, di samping usaha memperkasa segenap aspek, perka ra asas perlu diutamakan sesebuah pentadbiran adalah keyakinan kepada Allah dan mendekati Rasulullah menerusi berselawat.

"Biar Malaysia Madani bermakna semarak umat supaya sentiasa berselawat kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, selain menggunakan majlis seperti ini meningkatkan kefahaman dan ilmu kita," katanya.

Program bertemakan 'Mahabbah Rasulullah Asas Kejayaan Malaysia

Madani' itu berlangsung dari pukul 7 petang hingga 11 malam dan dihadiri ribuan umat Islam dari seluruh negara.

Acara berkenaan menampilkan barisan umarak dan ulama yang bersama-sama berselawat serta bermunajat demi Malaysia bagi mengeratkan silaturahim dan sebagai platform interaksi serta ramah mesra antara rakyat bersama Perdana Menteri.

Hadir sama pada majlis tersebut, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail.

WK

## Kerjasama syarikat swasta galak rakyat guna pengangkutan awam

**AGENSI** Pengangkutan Awam Darat (APAD) berharap lebih banyak syarikat penyedia pengangkutan swasta bekerjasama membantu menangani sistem perbatuan pertama dan terakhir dalam usaha menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam dengan lebih optimum dan menyeluruh.

Ia selaras dengan pengoperasian penuh perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya melibatkan laluan dari Kwasa Damansara ke Putrajaya yang dibuka kepada pengguna bermula 16 Mac, selepas dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Pengarah APAD, **Datuk Azlan Shah Al Bakri** berkata sebagai usaha memperkuuh sistem pengangkutan awam negara, pihaknya telah memperkenalkan perkhidmatan Bus On Demand (BOD) melalui Proof Of Concept (POC) atau sesi percubaan sejak tahun lepas.

"Perkhidmatan BOD adalah tempahan perkhidmatan bas melalui aplikasi yang dijalankan tanpa jadual dan laluan yang tetap serta beroperasi di dalam zon yang diluluskan APAD sahaja.

"Ia menggunakan kenderaan bersaiz kecil seperti bas mini, coaster atau van dan bertindak sebagai perantara antara rumah kediaman dengan stesen pengangkutan awam," kata ny ketika ditemui Bernama.

Berikutnya berkata kerjasama itu penting bagi menyokong perkhidmatan lebih 1,000 bas henti-henti sedia ada di sekitar Lembah Klang.

"Bagi pembukaan MRT2, kira-kira 107 bas perantara lagi bakal disediakan yang diharap dapat melengkap pi jaringan pengangkutan awam," katanya.

Secara keseluruhannya, MRT Laluan Putrajaya melibatkan laluan sepanjang 57.7 kilometer dari Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral dengan 36 stesen terdiri daripada 27 stesen bertingkat dan sembilan stesen bawah tanah serta 49 set tren dengan keseluruhan kos pembinaan RM30.53 bilion. - BERNAMA



MRT Laluan Putrajaya mula beroperasi sepenuhnya pada Khamis lalu.

## Syatilla bangkit dari kisah hitam

**PELAKON** Syatilla Melvin mengakui pernah 'jatuh' dalam hidupnya ketika negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19 sehingga membuatkan dirinya hampir berputus asa.

Namun, hasil sokongan adik-beradik, Syatilla yang juga merupakan seorang usahawan bangkit semula dan meneruskan kini semakin berjaya dalam bisnes produk di bawah label KEKASIH.

Menurut isteri kepada pelakon Shaheizy Sam ini, berada pada tahap sekarang bukan semudah yang disangka.

"Kami adik beradik juga melalui episod hitam ketika musim COVID-19. Dari situ, ia memberi banyak pengalaman kepada kami untuk bangkit dan terus mula ke hadapan. Kami baiki apa yang kurang untuk menjadi lebih baik."

"Pada peringkat awal perniagaan, semuanya lancar saja. Tapi, memasuki tahun ketiga, kami tak boleh terlalu selesa. Kami dah rasa kena betulkan mana-mana yang kurang. Justeru, tahun keempat ini, produk yang kami hasilkan iaitu KEKASIH bangkit semula," katanya.

Berkongsi lanjut, dia yang mesra disapa

Tilla mengakui mereka adik-beradik bersyukur apabila produk yang diusahakan terus mendapat perhatian dan sokongan rama pihak.

Menurutnya, resipi terbaik produk mereka kekal di pasaran adalah keberkatan hubungan adik beradik. Ia juga menjadi inspirasi kepada anak-anak muda luar sana.

"Alhamdulillah, sudah empat tahun kami mengusahakan produk ini. Kelainan kami apa yang saya boleh tekanan adalah hubungan akrab kami adik-beradik."

"Buat apa nak gaduh-gaduh. Ini yang membuatkan orang tertarik dengan kami dan produk yang kami hasilkan. Macam sekarang kami kerap live di TikTok dan orang boleh tengok macam mana kami berniaga. Kami bersatu di situ dan itulah kekuatan kami."

"Mungkin produk dan kualiti sama macam orang lain tapi sebab hubungan itu kami lain sedikit. Tengok saja kami berempat, orang sudah tahu ia KEKASIH," ujarnya

Sempena sambutan hari raya tahun ini, mereka melancarkan edisi baharu KEKASIH yang menawarkan kosmetik, penjagaan wajah dan pelembap wajah. WK



SELAIN Syatilla (kanan), KEKASIH turut diusahakan oleh adik beradiknya iaitu Siti Nur Syafiqah, Siti Nur Syatilla, Siti Nur Syifa Athirah dan Siti Nur Syida.